

**D.R. 38/95**

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1995.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya—

(a) peruntukan yang berlainan dalam Akta ini; atau

(b) kesemua peruntukan atau peruntukan yang berlainan dalam Akta ini berkenaan dengan kelas atau kategori orang yang berlainan.

Pindaan  
seksyen 1.  
Akta 280.

2. Akta Perindustrian Sekuriti 1983, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 1 dengan memotong subseksyen (2).

Pindaan  
seksyen 2.

3. Subseksyen 2(1) Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam takrif "akaun amanah" dengan memasukkan selepas perkataan "seksyen 44" perkataan "atau 47c";

(b) dengan memasukkan selepas takrif "akaun amanah" takrif yang berikut:

' "Akta ini" termasuklah mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

"aset" , berhubungan dengan pemegang lesen peniaga, ertinya segala aset pemegang itu, sama ada atau tidak digunakan berkaitan dengan sesuatu urusan berniaga sekuriti;';

(c) dengan menggantikan takrif "berniaga sekuriti" dengan takrif yang berikut:

' "berniaga sekuriti" ertinya, sama ada sebagai prinsipal atau ejen,—

(a) memperolehi, melupuskan, melanggan atau mengunderait sekuriti; atau

(b) membuat atau menawarkan untuk membuat dengan mana-mana orang, atau mendorong atau cuba mendorong mana-mana orang supaya membuat atau menamakan untuk membuat—

(i) apa-apa perjanjian bagi atau dengan tujuan hendak memperolehi, melupuskan, melanggan, atau mengunderait sekuriti; atau

(ii) apa-apa perjanjian selain daripada suatu kontrak niaga hadapan, yang maksud atau maksud yang diakui baginya

ialah untuk mendapatkan suatu keuntungan bagi mana-mana pihak daripada hasil sekuriti atau dengan memandang kepada turun-naiknya nilai sekuriti;'

(d) dengan memasukkan selepas takrif "broker saham" takrif yang berikut:

' "buku-buku" termasuklah—

(a) daftar;

(b) apa-apa rekod maklumat lain;

(c) akaun-akaun atau rekod-rekod perakaunan, tidak kira bagaimana sekalipun disusun, direkodkan atau disimpan; dan

(d) dokumen;';

(e) dengan memasukkan selepas takrif "bursa saham" takrif yang berikut:

*Akta 453.*

' "depositori pusat" ertinya suatu depositori pusat yang telah diluluskan oleh Menteri di bawah subseksyen (1) seksyen 5 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh Menteri melalui atau di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dan jika tiada cara disebutkan ertinya ditetapkan dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, dan kuasa untuk menetapkan termasuklah kuasa untuk menetapkan secara berlainan bagi orang, sekuriti atau transaksi yang berlainan, atau kelas, kategori atau perihalan orang, sekuriti atau transaksi yang berlainan;

*Akta 56*

"dokumen" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada ungkapan tersebut dalam Akta Keterangan 1950;';

(f) dengan memasukkan selepas takrif "ejen" takrif yang berikut:

Akta 372. ' "institusi berlesen" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada ungkapan tersebut dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989;'

(g) dengan menggantikan takrif "kaedah-kaedah" dengan takrif yang berikut:

' "kaedah-kaedah" , berhubungan dengan—

(a) sesuatu bursa saham, ertinya memorandum persatuan dan artikel persatuan, atau kaedah-kaedah atau arahan-arahan, dengan nama apa jua disebut dan di mana jua terkandung, yang mengawal keanggotaan, pengurusan, pengendalian atau prosedur bursa saham, atau kelakuan anggota-anggota atau syarikat-syarikat anggotanya dan, tanpa menghadkan keluasan yang terdahulu, termasuklah—

(i) kaedah-kaedah yang terkandung dalam memorandum persatuan dan artikel persatuan atau dokumen perlembagaan lain bursa saham itu;

(ii) kaedah-kaedah dan prosedur yang mengawal sebutharga sekuriti di pasaran saham bursa saham itu;

(iii) kaedah-kaedah untuk memastikan pematuhan oleh syarikat-syarikat anggota akan mana-mana obligasi yang dikenakan oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain; dan

(iv) kaedah-kaedah berkenaan dengan perkara-perkara lain yang perlu

atau wajar bagi pengendalian dan pengurusan sepatutnya dan efisien bursa saham itu, termasuk kaedah-kaedah yang menetapkan fee dan caj;

(b) sesuatu pusat penjelasan, ertinya memorandum persatuan dan artikel persatuan, atau kaedah-kaedah atau arahan-arahan, dengan nama apa jua disebut dan di mana jua terkandung, yang mengawal keanggotaan, pengurusan, pengendalian atau prosedur pusat penjelasan itu, dan, tanpa menghadkan keluasan yang terdahulu, termasuklah kaedah-kaedah dan arahan-arahan yang berhubungan dengan—

(i) penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan penjelasan dan penyelesaian, dan penggantungan atau penarikan balik perkhidmatan-perkhidmatan itu;

(ii) penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan selain daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang disebut dalam subperenggan (i);

(iii) orang yang boleh menyertai dalam satu atau lebih perkhidmatan yang disebut dalam subperenggan (i) atau (ii); dan

(iv) penetapan fee dan caj;';

(h) dengan memasukkan selepas takrif "kehendak-kehendak penyenaaraan" takrif yang berikut:

' "ketua eksekutif" , berhubungan dengan sesuatu perbadanan, ertinya pegawai eksekutif utama perbadanan pada masa ini, dengan nama apa jua disebut, dan sama ada dia seorang pengarah atau tidak;

*Akta 499.*

"kontrak niaga hadapan" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada ungkapan itu dalam Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;

"lembaga" , berhubungan dengan sesuatu perbadanan, ertinya lembaga pengarah, jawatankuasa pengurusan atau pihak berkuasa pentadbir lain perbadanan itu;';

(i) dengan menggantikan takrif "lesen" dengan takrif yang berikut:

' "lesen" ertinya—

(a) lesen peniaga;

(b) lesen pengurus kumpulan wang;

(c) lesen penasihat pelaburan;

(d) lesen wakil peniaga;

(e) lesen wakil pengurus kumpulan wang;  
atau

(f) lesen wakil pelaburan,

yang diberikan atau dibaharui di bawah Bahagian IV;';

(j) dengan memasukkan selepas takrif "Menteri" takrif yang berikut:

' "menentukan" , jika tiada cara disebutkan, ertinya menentukan dari semasa ke semasa secara bertulis, dan kuasa untuk menentukan termasuklah kuasa untuk menentukan secara berlainan bagi orang, sekuriti atau transaksi yang berlainan, atau kelas, kategori atau perihalan orang, sekuriti atau transaksi yang berlainan;

"orang berlesen" ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah Bahagian IV;';

(k) dengan memasukkan selepas takrif "pasaran saham" takrif yang berikut:

' "pasaran saham terkecuali" ertinya sesuatu pasaran saham yang diisytiharkan sebagai

suatu pasaran saham terkecuali di bawah perenggan (a) subseksyen (2) seksyen 7;'

- (l) dengan memotong takrif "Pegawai Pelesen";
- (m) dalam takrif "penasihat pelaburan"—
  - (i) dengan menggantikan perkataan ' "penasihat pelaburan" ertinya seseorang yang menjalankan sesuatu urusan menasihatkan orang-orang lain mengenai sekuriti atau yang, sebagai sebahagian daripada sesuatu urusan biasa, mengeluarkan atau memasyhurkan, analisis atau laporan mengenai sekuriti tetapi ungkapan itu tidaklah termasuk—' dengan perkataan yang berikut:
    - ' "penasihat pelaburan" ertinya seseorang yang—
      - (a) menjalankan sesuatu urusan menasihati orang lain mengenai sekuriti; atau
      - (b) sebagai sebahagian daripada sesuatu urusan, mengeluarkan atau memasyhurkan analisis-analisis atau laporan-laporan mengenai sekuriti,tetapi ungkapan itu tidaklah termasuk—';
  - (ii) dengan menomborkan semula perenggan (a), (b), (c), (d), (e), (f) dan (g) masing-masingnya sebagai perenggan (c), (d), (e), (f), (g), (h) dan (i);
  - (iii) dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan (h);
  - (iv) dalam perenggan (i)—
    - (A) dengan menggantikan perkataan "Akta Mesin Cetak 1948 Malaysia Barat, Ordinan Mesin Cetak Sabah

dan Ordinan Mesin Cetak 1962 Sarawak" dengan perkataan "Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984"; dan

(B) dengan menggantikan rujukan birai "Akta 58" , "Sabah Bab 107." dan "Sarawak Ord. 14/62." dengan rujukan birai "Akta 301.";

(v) dengan memasukkan di hujung perenggan (i) perkataan "atau"; dan

(vi) dengan memasukkan selepas perenggan (i) perenggan yang berikut:

"(j) seseorang pengurus kumpulan wang berlesen atau pengurus kumpulan wang terkecuali yang menjalankan urusan itu semata-mata bersampingan dengan menjalankan urusan mengurus suatu portfolio sekuriti bagi pihak orang lain;"

(n) dengan memasukkan selepas takrif "pengarah" takrif yang berikut:

' "pengurus kumpulan wang" ertinya seseorang yang menurut sesuatu perjanjian dengan mana-mana orang lain, mengakujaji bagi pihak orang itu (sama ada atas kuasa budibicara yang diberikan oleh orang itu atau selainnya) untuk menguruskan suatu portfolio sekuriti bagi maksud pelaburan;

"pengurus kumpulan wang terkecuali" ertinya seseorang yang dikecualikan di bawah perenggan (d) subseksyen (2) seksyen 15A;"

(o) dalam takrif "peniaga terkecuali"—

(i) dalam perenggan (a) dengan memasukkan selepas perkataan "sendiri" perkataan "atau untuk perbadanan yang berhubungan dengannya";

(ii) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

"(b) seseorang pengurus kumpulan wang terkecuali;"

(iii) dengan menomborkan semula perenggan (d) dan (e) masing-masingnya sebagai perenggan (c) dan (d);

(iv) dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan (c);

(v) dengan memasukkan perkataan "atau" di hujung perenggan (d); dan

(vi) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

"(e) seseorang pengurus kumpulan wang berlesen yang berniaga sekuriti semata-mata ber-sampingan dengan menjalankan urusannya mengurus suatu portfolio sekuriti bagi pihak orang lain;"

(p) dengan memasukkan selepas takrif "perbadanan" takrif yang berikut:

' "perbadanan yang berhubungan" , berhubung dengan sesuatu perbadanan, ertinya sesuatu perbadanan yang berhubungan dengan perbadanan yang pertama disebut menurut kuasa seksyen 6 Akta Syarikat 1965;

Akta 125.

' "perkhidmatan maklumat" ertinya—

(a) perkhidmatan penyiaran;

(b) perkhidmatan videoteks yang berbentuk interaktif atau penyiaran atau perkhidmatan teleteks atau perkhidmatan lain yang seumpamanya;

(c) perkhidmatan pangkalan data talian semasa atau perkhidmatan lain yang seumpamanya; atau

- (d) mana-mana perkhidmatan lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya;

"peserta" ertinya seseorang yang, mengikut kaedah-kaedah sesuatu pusat penjelasan diiktirafkan, boleh menyertai satu atau lebih perkhidmatan yang disediakan oleh pusat penjelasan diiktirafkan itu;

"pusat penjelasan" ertinya seseorang—

- (a) yang aktiviti atau tujuannya termasuklah menyediakan perkhidmatan untuk penjelasan dan penyelesaian trankaksi dalam sekuriti yang dibuat di, atau tertakluk kepada kaedah-kaedah, bursa saham; atau
- (b) yang menjamin penyelesaian apa-apa transaksi sedemikian;

"pusat penjelasan diiktirafkan" ertinya sesuatu pusat penjelasan yang diisytiharkan sebagai suatu pusat penjelasan diiktirafkan di bawah subseksyen (1) seksyen 8A;

"rekod perakaunan" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada ungkapan itu dalam Akta Syarikat 1965;'

*Akta 125*

- (q) dengan memotong takrif "pihak berkuasa yang relevan";
- (r) dengan memasukkan selepas takrif "syarikat anggota" takrif yang berikut:

' "undang-undang sekuriti" ertinya Akta ini, Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan melainkan jika dinyatakan dengan nyata selainnya, termasuklah mana-mana peraturan, kaedah, perintah, pemberitahuan atau perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah undang-undang itu;'

*Akta 453.*  
*Akta 498.*

- (s) dengan memotong takrif "urusan";

(t) dengan menggantikan takrif "wakil" dengan takrif yang berikut:

' "wakil" ertinya seseorang wakil peniaga, seseorang wakil pengurus kumpulan wang atau seseorang wakil pelaburan;';

(u) dengan menggantikan takrif "wakil pelaburan" dengan takrif yang berikut:

' "wakil pelaburan" ertinya seseorang, dengan nama apa jua diperihalkan, yang diambil kerja oleh, atau bertindak bagi atau melalui perkiraan dengan, seseorang penasihat pelaburan, yang bukan merupakan seorang peniaga berlesen, seorang peniaga terkecuali, seorang pengurus kumpulan wang berlesen atau seorang pengurus kumpulan wang terkecuali, dan melaksanakan untuk penasihat pelaburan itu mana-mana fungsi seorang penasihat pelaburan selain daripada kerja yang biasanya dilaksanakan oleh akauntan, kerani atau juruwang;';

(v) dengan memasukkan selepas takrif "wakil pelaburan" takrif yang berikut:

' "wakil pengurus kumpulan wang" ertinya seseorang, dengan nama apa jua diperihalkan, yang diambil kerja oleh, atau bertindak bagi atau melalui perkiraan dengan, seseorang pengurus kumpulan wang, yang bukan merupakan seorang yang diperihalkan dalam subseksyen (2) seksyen 15A, dan melaksanakan untuk pengurus kumpulan wang itu mana-mana fungsi seorang pengurus kumpulan wang, selain daripada kerja yang biasanya dilaksanakan oleh akauntan, kerani atau juruwang;';

(w) dengan menggantikan takrif "wakil peniaga" dengan takrif yang berikut:

' "wakil peniaga" ertinya seseorang, dengan nama apa jua diperihalkan, yang diambil kerja

oleh, atau bertindak bagi atau melalui perkiraan dengan, seseorang peniaga, yang bukan merupakan seorang peniaga terkecuali, seorang pengurus kumpulan wang berlesen atau seorang pengurus kumpulan wang terkecuali, dan melaksanakan untuk peniaga itu mana-mana fungsi seorang peniaga selain daripada kerja yang biasanya dilaksanakan oleh akauntan, kerani atau juruwang;'.

Pindaan seksyen 3.

**4.** Perenggan 3(1)(d) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan sebelum perenggan (iii) perenggan yang berikut:

- "(i) seseorang yang berniaga sekuriti sebagai tuan punya tunggal atau secara perkongsian dengan orang lagi satu itu;
- (ii) tertakluk kepada seksyen (2), seseorang yang menjadi pekongsi orang lagi satu itu selain daripada disebabkan oleh dia berniaga sekuriti secara perkongsian dengan orang lagi satu itu;".

Pindaan seksyen 4.

**5.** Subseksyen 4(5) Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "kepentingan" perkataan "dalam sekuriti"; dan
- (b) dalam perenggan (c) dengan memasukkan selepas perkataan "hak" di mana-mana jua terdapat perkataan "atau kuasa".

Pindaan tajuk Bahagian III.

**6.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan tajuk Bahagian III dengan tajuk yang berikut:

"BURSA SAHAM DAN PUSAT PENJELASAN".

Penggantian seksyen 7.

**7.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 7 dengan seksyen yang berikut:

"Penubuhan pasaran saham. 7. (1) Seseorang tidak boleh menubuhkan, mengendalikan atau menyenggarakan, atau membantu menubuhkan, mengendalikan atau

menyenggarakan, atau mengemukakan dirinya sebagai mengadakan, mengendalikan atau menyenggarakan, sesuatu pasaran saham yang bukannya suatu pasaran saham bagi sesuatu bursa saham atau sesuatu pasaran saham terkecuali.

(2) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*,—

- (a) mengisytiharkan sesuatu pasaran saham yang tertentu, atau sesuatu pasaran saham yang termasuk dalam suatu kelas pasaran saham yang tertentu, sebagai suatu pasaran saham terkecuali bagi maksud Akta ini tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya munasabah dan sesuai selepas mengambil kira, antara perkara lain—
  - (i) jenis sekuriti-sekuriti yang didagangkan atau akan didagangkan; atau
  - (ii) jenis peserta; atau
  - (iii) jenis pelabur; atau
  - (iv) isipadu perdagangan yang berhubungan dengan pasaran saham yang tertentu itu, atau pasaran saham yang termasuk dalam kelas pasaran saham yang tertentu itu; dan
- (b) membatalkan mana-mana perisytiharan yang dibuat di bawah perenggan (a) atau mengubah apa-apa terma atau syarat yang dinyatakan dalam perisytiharan itu, selepas mengambil kira, antara perkara lain,—
  - (i) apa-apa pelanggaran terma dan syarat yang dinyatakan dalam perisytiharan itu; atau
  - (ii) apa-apa perkara lain yang difikirkan patut oleh Menteri.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu juta ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun atau kedua-duanya."

Seksyen baru 8A dan 8B. **8.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 8 seksyen yang berikut:

"Pusat penjelasan diiktirafkan.

8A. (1) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa adalah wajar berbuat demikian demi kepentingan awam, atau bagi pengawalseliaan sepatutnya perkhidmatan bagi penjelasan dan penyelesaian transaksi dalam sekuriti, ia boleh, dengan kelulusan Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengisytiharkan sesuatu pusat penjelasan sebagai suatu pusat penjelasan diiktirafkan bagi maksud Akta ini tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya.

(2) Jika Suruhanjaya membuat perisytiharan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan sesuatu pusat penjelasan,—

(a) ia hendaklah memberikan notis mengenainya kepada pusat penjelasan itu; dan

(b) kaedah-kaedah pusat penjelasan yang berkuatkuasa sebelum perisytiharan itu hendaklah terus berkuatkuasa melainkan jika dinyatakan sebaliknya, atau sehingga apa-apa masa sebagaimana yang dinyatakan, dalam notis yang disebut dalam perenggan (a).

Penarikan balik pengiktirafan pusat penjelasan.

8B. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, melalui notis yang disiarkan dalam *Warta*, menarik balik pengiktirafan yang diberikan di bawah subseksyen (1) seksyen 8A

kepada sesuatu pusat penjelasan jika pusat penjelasan itu melanggar suatu undang-undang sekuriti.

(2) Suruhanjaya hendaklah memberi sesuatu pusat penjelasan diiktirafkan tidak kurang daripada empat belas hari notis secara bertulis—

- (a) menyatakan bahawa Suruhanjaya sedang menimbangkan sama ada hendak menarik balik pengiktirafan yang diberikan di bawah subseksyen (1) seksyen 8A;
- (b) menyatakan alasan-alasan yang berdasarkannya Suruhanjaya membuat pertimbangan itu; dan
- (c) meminta pusat penjelasan yang diiktirafkan itu membuat suatu pernyataan bertulis menunjukkan sebab mengapa pengiktirafan itu tidak patut ditarik balik dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Tiada notis di bawah subseksyen (2) perlu diberikan jika Suruhanjaya, dengan persetujuan Menteri, memperakui bahawa pengiktirafan itu patut ditarik balik sebagai suatu perkara yang perlu disegerakan demi mengekalkan keutuhan pasaran atau demi kepentingan awam.

(4) Jika Suruhanjaya berpuas hati dengan pernyataan bertulis pusat penjelasan itu, Suruhanjaya tidak boleh menarik balik pengiktirafan yang diberikan di bawah subseksyen (1) seksyen 8A.

(5) Jika pengiktirafan sesuatu pusat penjelasan ditarik balik di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, memberitahu bursa saham secara bertulis tentang penarikan balik pengiktirafan itu dan mengarahkan bursa saham itu untuk mengambil apa-apa tindakan yang

dinyatakan dalam notis itu termasuk suatu arahan kepada bursa saham itu bahawa segala perdagangan yang dilaksanakan di bursa saham itu tidak boleh dijelaskan oleh pusat penjelasan itu."

Penggantian  
seksyen 9.

**9. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 9 dengan seksyen yang berikut:**

"Suruhan-  
jaya  
hendaklah  
melulus-  
kan  
pindaan  
kepada  
kaedah-  
kaedah  
bursa  
saham.

9. (1) Tiada pindaan kepada kaedah-kaedah bursa saham boleh berkuatkuasa melainkan jika ia diluluskan secara bertulis oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (3).

(2) Jika sesuatu bursa saham bercadang membuat apa-apa pindaan kepada kaedah-kaedahnya, bursa saham itu hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya—

- (a) teks pindaan yang dicadangkan; dan
- (b) suatu penjelasan mengenai maksud pindaan yang dicadangkan.

(3) Suruhanjaya hendaklah, dalam masa enam minggu selepas apa-apa pindaan yang dicadangkan di bawah subseksyen (2) diterima, memberikan notis secara bertulis kepada bursa saham itu bahawa ia meluluskan atau tidak meluluskan pindaan yang dicadangkan itu atau mana-mana bahagian pindaan yang dicadangkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Suruhanjaya boleh, melalui notis secara bertulis, mengisytiharkan mana-mana kelas kaedah sesuatu bursa saham sebagai kelas kaedah yang pindaannya tidak menghendaki kelulusan Suruhanjaya di bawah subseksyen (3), dan dengan demikian itu, apa-apa pindaan kepada kaedah-kaedah bursa saham yang tergolong dalam kelas itu hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (5) dan (6), berkuatkuasa walaupun ia tidak diluluskan sedemikian di bawah subseksyen (3).

(5) Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa apa-apa pindaan kepada kaedah-kaedah bursa saham yang dibuat di bawah subseksyen (4) tidak termasuk dalam kelas kaedah yang diisytiharkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen itu sebagai tidak menghendaki kelulusannya, Suruhanjaya boleh, setelah berunding dengan bursa saham itu, menghendaki bursa saham itu mengemukakan pindaan itu untuk kelulusannya di bawah subseksyen (3).

(6) Jika suatu kaedah yang dipinda oleh bursa saham di bawah subseksyen (4) menjadi subjek kehendak yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (5), pindaan itu hendaklah terhenti berkuatkuasa dari tarikh Suruhanjaya membuat kehendak itu atau apa-apa tarikh kemudian yang ditentukan oleh Suruhanjaya:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak boleh berkuatkuasa sehingga suatu tempoh yang munasabah telah diberikan kepada bursa saham itu untuk memberitahu orang yang tersentuh oleh pindaan itu.

(7) Walau apa pun peruntukan seksyen ini, Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, setelah berunding dengan bursa saham itu, melalui notis bertulis menghendaki bursa saham itu meminda kaedah-kaedah bursa saham itu mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(8) Suatu bursa saham yang tidak mematuhi subseksyen (2) atau yang tidak mematuhi suatu kehendak yang dibuat di bawah subseksyen (5) atau suatu notis bertulis yang dibuat di bawah subseksyen (7) adalah melakukan suatu kesalahan.

(9) Suatu notis di bawah seksyen ini boleh diserahkan secara persendirian atau melalui pos."

Seksyen baru  
9A, 9B dan  
9C.

**10.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 9 seksyen yang berikut:

"Suruhan-  
jaya  
hendaklah  
melulus-  
kan  
pindaan  
kepada  
kaedah-  
kaedah  
pusat  
penjelasan  
diiktiraf-  
kan.

9A. (1) Tiada pindaan kepada kaedah-kaedah pusat penjelasan diiktirafkan boleh berkuatkuasa melainkan jika ia diluluskan secara bertulis oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (3).

(2) Jika suatu pusat penjelasan diiktirafkan bercadang membuat apa-apa pindaan kepada kaedah-kaedahnya, pusat penjelasan diiktirafkan itu hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya—

(a) teks pindaan yang dicadangkan; dan

(b) suatu penjelasan mengenai maksud pindaan yang dicadangkan.

(3) Suruhanjaya hendaklah, dalam masa enam minggu selepas apa-apa pindaan yang dicadangkan di bawah subseksyen (2) diterima, memberikan notis secara bertulis kepada pusat penjelasan diiktirafkan itu bahawa ia meluluskan atau tidak meluluskan pindaan yang dicadangkan itu atau mana-mana bahagian pindaan yang dicadangkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Suruhanjaya boleh, melalui notis secara bertulis, mengisytiharkan mana-mana kelas kaedah sesuatu pusat penjelasan diiktirafkan sebagai kelas kaedah yang pindaannya tidak menghendaki kelulusan Suruhanjaya di bawah subseksyen (3), dan dengan demikian itu, apa-apa pindaan kepada kaedah-kaedah pusat penjelasan diiktirafkan yang tergolong dalam kelas itu hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (5) dan (6), berkuatkuasa walaupun ia tidak diluluskan sedemikian di bawah subseksyen (3).

(5) Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa apa-apa pindaan kepada kaedah-kaedah pusat penjelasan diiktirafkan yang dibuat di bawah

subseksyen (4) tidak termasuk dalam kelas kaedah yang diisytiharkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen itu sebagai tidak menghendaki kelulusannya, Suruhanjaya boleh, setelah berunding dengan pusat penjelasan diiktirafkan itu, menghendaki bursa saham itu mengemukakan pindaan itu untuk kelulusannya di bawah subseksyen (3).

(6) Jika suatu kaedah yang dipinda oleh pusat penjelasan diiktirafkan di bawah subseksyen (4) menjadi subjek kehendak yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (5), pindaan itu hendaklah terhenti berkuatkuasa dari tarikh Suruhanjaya membuat kehendak itu atau apa-apa tarikh kemudian yang ditentukan oleh Suruhanjaya:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak boleh berkuatkuasa sehingga suatu masa yang munasabah telah diberikan kepada pusat penjelasan diiktirafkan untuk memberitahu orang yang tersentuh oleh pindaan itu.

(7) Walau apa pun peruntukan seksyen ini, Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, setelah berunding dengan pusat penjelasan diiktirafkan itu, melalui notis bertulis menghendaki pusat penjelasan diiktirafkan itu meminda kaedah-kaedah pusat penjelasan diiktirafkan itu mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(8) Suatu pusat penjelasan diiktirafkan yang tidak mematuhi subseksyen (2) atau yang tidak mematuhi suatu kehendak yang dibuat di bawah subseksyen (5) atau suatu notis bertulis yang dibuat di bawah subseksyen (7) adalah melakukan suatu kesalahan.

(9) Suatu notis di bawah seksyen ini boleh diserahkan secara persendirian atau melalui pos.

Kewajiban  
bursa  
saham

9B. (1) Maka adalah menjadi kewajiban bursa saham untuk memastikan, setakat yang semunasabahnya praktik, suatu pasaran yang teratur dan saksama dalam sekuriti yang diperdagangkan melalui kemudahan-kemudahannya.

(2) Pada melaksanakan kewajibannya di bawah subseksyen (1), bursa saham hendaklah—

(a) bertindak demi kepentingan awam; dan

(b) memastikan bahawa jika apa-apa kepentingan yang ia dikehendaki memberi khidmat di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan perbadanan bercanggah dengan kepentingan yang disebut dalam perenggan (a), kepentingan yang kemudian disebut itu hendaklah mengatasi.

(3) Maka adalah menjadi kewajiban bursa saham untuk memastikan bahawa anggota bursa saham, syarikat anggota dan perbadanan yang sekuritinya disenaraikan di bursa saham mematuhi kaedah-kaedah bursa saham yang terpakai kepada anggota, syarikat anggota atau perbadanan itu.

(4) Suatu bursa saham hendaklah dengan serta-merta memberitahu Suruhanjaya jika ia mendapat tahu mengenai—

(a) apa-apa perkara yang menjelaskan, atau yang mungkin memudaratkan kemampuan mana-mana syarikat anggota menunaikan obligasinya berkenaan dengan urusan berniaga sekuritinya, termasuk kemampuan mana-mana syarikat anggota mematuhi kehendak kewangan minimum yang ditetapkan di bawah Akta ini; atau

(b) apa-apa luar aturan, pelanggaran mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti, atau kaedah-kaedah bursa saham atau pusat penjelasan diiktirafkan, atau apa-apa perkara lain yang, pada pendapat bursa saham, menandakan, atau mungkin menandakan, yang kedudukan kewangan atau integriti kewangan mana-mana syarikat anggota atau ketua eksekutif atau pengarah syarikat anggota, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh dipersoalkan atau boleh semunasabahnya terjejas.

(5) Tanpa menjejaskan subseksyen (4), apabila suatu bursa saham memecat, atau menggantung keanggotaan, mana-mana anggotanya atau selainnya mendisiplinkan mana-mana anggotanya, ia hendaklah, dalam masa tujuh hari, memberi Suruhanjaya secara bertulis butir-butir yang berikut:

- (a) nama anggota itu;
- (b) sebab bagi dan jenis tindakan yang diambil;
- (c) amaun denda;
- (d) tempoh penggantungan, jika ada; dan
- (e) apa-apa tindakan disiplin lain yang diambil.

(6) Suatu bursa saham hendaklah pada setiap masa menyediakan dan menyenggarakan sehingga Suruhanjaya berpuas hati—

- (a) premis yang mencukupi dan yang dilengkapi dengan sepatutnya untuk menjalankan urusannya;
- (b) kakitangan yang kompeten untuk menjalankan urusannya; dan

- (c) sistem yang diautomatikkan dengan kapasiti yang mencukupi, perkiraan dan kemudahan keselamatan untuk menghadapi kecemasan.

Penutupan  
bursa  
saham  
semasa  
darurat.

9C. (1) Menteri boleh mengarahkan suatu bursa saham supaya menutup sesuatu pasaran saham bursa saham itu selama tempoh tidak melebihi lima hari berurusan jika Menteri berpendapat bahawa suatu pasaran yang teratur dan saksama bagi perdagangan dalam sekuriti di pasaran saham itu sedang atau mungkin akan terhalang kerana—

- (a) darurat atau malapetaka alam telah berlaku di Malaysia; atau
- (b) wujud krisis ekonomi atau kewangan atau apa-apa hal keadaan lain di Malaysia atau di tempat lain.

(2) Menteri boleh melanjutkan penutupan pasaran saham di bawah subseksyen (1) selama apa-apa tempoh selanjutnya yang setiap satunya tidak melebihi lima hari berurusan.

(3) Menteri hendaklah menyatakan alasan-alasan bagi penutupan itu dalam arahan yang diberikan di bawah subseksyen (1) dan alasan-alasan bagi apa-apa pelanjutan penutupan di bawah subseksyen (2).

(4) Menteri hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, memberikan suatu salinan arahan di bawah subseksyen (1) atau pelanjutan di bawah subseksyen (2) kepada pusat penjelasan diiktirafkan dan mengarahkan pusat penjelasan diiktirafkan itu melakukan segala yang semunasabahnya dapat dilakukannya untuk memberi kuatkuasa kepada arahan di bawah subseksyen (1) atau pelanjutan di bawah subseksyen (2) semasa arahan atau pelanjutan itu terus berkuatkuasa.

## (5) Dalam seksyen ini—

"hari berurusan" ertinya mana-mana hari yang padanya terdapat perdagangan rasmi di bursa saham jika tidak kerana penutupan itu;

"pasaran saksama" termasuklah tetapi tidak terhad kepada sesuatu pasaran yang mencerminkan daya penawaran dan permintaan."

**11.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 10 dan 11 dengan seksyen yang berikut: Penggantian seksyen 10 dan 11.

"Bursa saham dan pusat penjelasan diiktirafkan hendaklah memberikan bantuan kepada Suruhanjaya atau Pendaftar.

10. (1) Sesuatu bursa saham atau pusat penjelasan diiktirafkan hendaklah memberikan bantuan kepada Suruhanjaya atau Pendaftar.

10. (1) Sesuatu bursa saham atau pusat penjelasan diiktirafkan hendaklah memberikan apa-apa bantuan kepada Suruhanjaya, atau kepada seseorang yang bertindak bagi pihak atau dengan kuasa Suruhanjaya yang semunasabahnya dikehendaki oleh Suruhanjaya atau orang itu termasuk memberikan apa-apa penyata, dan pemberian apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pengendalian bursa saham atau pusat penjelasan diiktirafkan atau berkenaan dengan apa-apa perniagaan sekuriti atau apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Suruhanjaya atau orang itu bagi pentadbiran sewajarnya undang-undang sekuriti.

(2) Sesuatu bursa saham atau pusat penjelasan diiktirafkan hendaklah memberikan apa-apa bantuan kepada Pendaftar yang semunasabahnya dikehendaki oleh Pendaftar termasuk memberikan apa-apa penyata, dan pemberian apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pengendalian bursa saham atau pusat penjelasan diiktirafkan atau berkenaan dengan apa-apa perniagaan sekuriti atau apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Pendaftar bagi melaksanakan fungsinya atau menunaikan kewajipannya di bawah Akta ini.

(3) Tiada tanggungan boleh dilakukan oleh bursa saham atau pusat penjelasan diiktirafkan atau mana-mana orang yang bertindak bagi bursa saham atau pusat penjelasan diiktirafkan itu berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan dengan suci hati dalam melaksanakan atau yang berupa sebagai melaksanakan mana-mana kewajipan yang disebut dalam subseksyen (1) atau (2) atau mana-mana kuasa atau kewajipan lain di bawah Akta ini.

(4) Seseorang yang bertindak bagi pihak, atau yang diberikuasa oleh, Suruhanjaya atau Pendaftar adalah berhak pada bila-bila masa yang munasabah untuk mendapat akses sepenuhnya dan bebas kepada kemudahan perdagangan sesuatu pasaran saham suatu bursa saham bagi mana-mana maksud Akta ini.

(5) Seseorang yang enggan atau tidak, tanpa alasan yang sah, membenarkan seseorang yang bertindak bagi pihak, atau yang diberikuasa oleh, Suruhanjaya atau Pendaftar akses mengikut subseksyen (4) kepada kemudahan perdagangan sesuatu pasaran saham suatu bursa saham adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(6) Dalam seksyen ini, "kemudahan perdagangan", berhubungan dengan sesuatu pasaran saham suatu bursa saham, ertinya mana-mana tempat atau kemudahan yang disenggarakan atau yang disediakan oleh suatu bursa saham untuk penjualan, pembelian atau pertukaran sekuriti oleh syarikat anggota, anggota bursa saham dan mana-mana orang lain.

Kuasa  
berkenaan  
dengan  
pematuhan  
dan  
penguat-  
kuasaan  
kaedah-  
kaedah atau  
kehendak  
penyenaraian  
bursa  
saham atau  
pusat  
penjelasan  
diiktirafkan.

11. (1) Jika mana-mana orang yang di bawah suatu obligasi untuk mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau memberi kesan kepada mana-mana kaedah bursa saham atau pusat penjelasan diiktirafkan tidak mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau memberi kesan kepada mana-mana kaedah sedemikian ("orang yang ingkar"), bursa saham atau pusat penjelasan diiktirafkan itu boleh mengambil apa-apa tindakan terhadap orang yang ingkar mengikut kaedah-kaedah bursa saham atau pusat penjelasan diiktirafkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), jika mana-mana orang yang di bawah suatu obligasi untuk mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau memberi kesan kepada kehendak penyenaraian sesuatu bursa saham tidak mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau memberi kesan kepada mana-mana kaedah sedemikian ("orang yang ingkar"), bursa saham itu boleh, sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti apa-apa tindakan yang boleh diambil olehnya di bawah kehendak penyenaraian, mengambil mana-mana satu atau lebih daripada tindakan yang berikut:

- (a) mengarahkan orang yang ingkar mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau memberi kesan kepada mana-mana kehendak penyenaraian sedemikian;
- (b) mengenakan penalti tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit ke atas orang yang ingkar; atau
- (c) mencela orang yang ingkar.

(3) Bagi maksud subseksyen (1) dan (2),—

- (a) anggota bursa saham;
- (b) syarikat anggota;
- (c) peserta;

- (d) pertubuhan perbadanan yang telah diterima pada senarai rasmi bursa saham dan tidak dikeluarkan daripada senarai rasmi itu atau orang yang bersekutu dengan pertubuhan perbadanan itu; atau
- (e) pengarah atau pegawai orang yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c),

hendaklah disifatkan di bawah suatu obligasi untuk mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau memberi kesan kepada kaedah-kaedah bursa saham atau pusat penjelasan diiktirafkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, setakat yang kaedah-kaedah itu berupa terpakai berhubungan dengan orang itu.

(4) Bursa saham sebelum mengambil mana-mana tindakan di bawah subseksyen (1) atau (2), atau pusat penjelasan diiktirafkan sebelum mengambil mana-mana tindakan di bawah subseksyen (1), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memberi—

- (a) orang yang ingkar; dan
- (b) mana-mana orang yang terkilan dengan kegagalan orang yang ingkar mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau memberi kesan kepada kaedah-kaedah itu ("orang yang terkilan"),

sekurang-kurangnya empat belas hari notis mengenai niatnya untuk mengambil mana-mana tindakan di bawah subseksyen (1) atau (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, dan hendaklah menyatakan alasan-alasan bagi tindakan yang diambil dalam notis itu.

(5) Suatu arahan yang diberikan oleh bursa saham di bawah subseksyen (2) hendaklah terus berkuatkuasa sehingga ia dibatalkan.

(6) Suatu arahan, penalti atau celaan yang diberikan oleh bursa saham di bawah subseksyen (2) adalah muktamad melainkan jika, dalam masa empat belas hari selepas ia diberikan atau dikenakan, orang yang ingkar atau orang yang terkilang merayu kepada Suruhanjaya secara bertulis terhadap arahan, penalti atau celaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Atas suatu rayuan di bawah subseksyen (6) terhadap mana-mana tindakan oleh bursa saham, Suruhanjaya boleh—

- (a) mengesahkan tindakan bursa saham;
- (b) menyetujui tindakan bursa saham; atau
- (c) menggantikan tindakan bursa saham dengan mana-mana tindakan lain yang disebut dalam subseksyen (2).

(8) Keputusan Suruhanjaya di bawah subseksyen (7) adalah muktamad.

(9) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang Suruhanjaya dalam apa-apa hal daripada mengambil sendiri mana-mana tindakan yang disebut dalam subseksyen (1) atau (2) terhadap orang yang ingkar tetapi sebelum berbuat sedemikian, Suruhanjaya hendaklah memberi orang yang ingkar dan mana-mana orang yang terkilang sekurang-kurangnya empat belas hari notis mengenai niatnya untuk mengambil mana-mana tindakan itu dan hendaklah menyatakan alasan-alasan bagi tindakan yang diambil dalam notis itu:

Dengan syarat bahawa suatu bursa saham atau pusat penjelasan diiktirafkan tidak boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah seksyen ini sekiranya Suruhanjaya mengambil tindakan di bawah subseksyen ini.

(10) Suatu tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (9) adalah muktamad melainkan jika, dalam masa empat belas hari selepas tindakan itu diambil, orang yang ingkar atau orang yang terkilan merayu kepada Menteri secara bertulis terhadap tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya.

(11) Atas suatu rayuan di bawah subseksyen (10) terhadap mana-mana tindakan oleh Suruhanjaya, Menteri boleh—

- (a) mengesahkan tindakan Suruhanjaya;
- (b) mengetepikan tindakan Suruhanjaya; atau
- (c) menggantikan tindakan Suruhanjaya dengan mana-mana tindakan lain yang disebut dalam subseksyen (2)."

Seksyen baru 11A dan 11B. **12.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 11 seksyen yang berikut:

"Kuasa Suruhanjaya untuk menghalang perdagangan sekuriti yang tertentu.

11A. (1) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa adalah demi kepentingan awam, atau adalah wajar berbuat demikian untuk perlindungan pelabur, untuk melarang perdagangan sekuriti yang tertentu atau sesuatu kelas sekuriti yang tertentu yang diadakan oleh sesuatu perbadanan di pasaran saham suatu bursa saham, Suruhanjaya boleh memberikan notis bertulis kepada bursa saham menyatakan bahawa ia berpuas hati sedemikian dan menyatakan sebab-sebab bagi pendapat itu dan tarikh bursa saham itu hendaklah memberikan kuatkuasa kepada notis itu.

(2) Jika Suruhanjaya memberikan notis kepada sesuatu bursa saham di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah pada masa yang sama—

- (a) menghantar suatu salinan notis itu kepada perbadanan itu bersama suatu pernyataan

yang menyatakan sebab-sebab pemberian notis itu; dan

- (b) memberikan kepada Menteri suatu laporan bertulis yang menyatakan sebab-sebab pemberian notis itu; dan
- (c) menghantar suatu salinan laporan itu kepada bursa saham.

(3) Jika Suruhanjaya memberikan notis kepada bursa saham di bawah subseksyen (1) berhubung dengan perdagangan sekuriti, atau yang diadakan oleh, sesuatu. perbadanan, perbadanan itu boleh secara bertulis meminta Suruhanjaya merujuk perkara itu kepada Menteri.

(4) Jika suatu permintaan dibuat di bawah subseksyen (3), Suruhanjaya hendaklah dengan serta-merta merujuk perkara itu kepada Menteri, yang boleh, jika difikirkannya patut,—

- (a) mengarahkan Suruhanjaya membatalkan notis itu dan, jika arahan sedemikian diberikan, Suruhanjaya hendaklah dengan serta-merta membatalkan notis itu; atau
- (b) mengesahkan larangan yang dikenakan oleh Suruhanjaya.

(5) Apabila laporan bertulis menurut perenggan (b) subseksyen (2) diterima, Menteri boleh, jika difikirkannya patut, mengambil mana-mana tindakan yang dinyatakan dalam perenggan (a) atau (b) subseksyen (4).

(6) Bursa saham tidak boleh membenarkan perdagangan dalam sekuriti di pasaran saham bursa saham itu yang berlawanan dengan notis di bawah subseksyen (1).

Perintah  
penggan-  
tungan  
berhubungan  
dengan  
bursa  
saham,  
pusat  
penjelasan  
diiktirafkan  
atau  
depositori  
pusat.

11B. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 9c atau 11A, jika Menteri berpuas hati bahawa demi kepentingan awam, atau adalah wajar berbuat sedemikian untuk perlindungan pelabur atau bagi pengawalseliaan sewajarnya bursa saham, pusat penjelasan diiktirafkan atau depositori pusat, Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, membuat suatu perintah ("perintah penggantungan") berhubungan dengan semua atau mana-mana yang berikut:

- (a) fungsi lembaga bursa saham, pusat penjelasan diiktirafkan atau depositori pusat, atau mana-mana anggota lembaganya;
- (b) fungsi mana-mana jawatankuasa (termasuk jawatankuasa kecil) yang ditubuhkan oleh lembaga yang disebut dalam perenggan (a); atau
- (c) fungsi pegawai utama, walau nama apa jua disebut, yang bertanggungjawab bagi penjalanan urusan dan pengendalian bursa saham, pusat penjelasan diiktirafkan atau depositori pusat, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Selagi suatu perintah penggantungan berkuatkuasa, peruntukan yang berikut hendaklah terpakai:

- (a) tiada fungsi yang dimaksudkan oleh perintah itu boleh dilaksanakan oleh mana-mana lembaga, jawatankuasa atau pegawainya;
- (b) mana-mana fungsi yang baginya perenggan (a) terpakai boleh dilaksanakan oleh mana-mana orang yang hendaklah dinyatakan dalam perintah itu berhubungan dengan fungsi itu; dan

(c) seseorang yang disebut dalam perenggan (a) tidak boleh, melalui perbuatan atau peninggalan, sama ada secara langsung atau tak langsung, menyentuh cara fungsi yang disebut dalam perintah itu dilaksanakan melainkan jika orang yang akan melaksanakan fungsi itu di bawah perenggan (b) meminta bantuannya.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (6), suatu perintah penggantungan hendaklah terus berkuatkuasa selama apa-apa tempoh, iaitu suatu tempoh yang tidak lebih daripada enam bulan, sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(4) Suatu perintah penggantungan atau apa-apa pelanjutannya di bawah subseksyen (6) hendaklah mula berkuatkuasa apabila suatu salinan perintah atau notis pelanjutan itu disampaikan di bawah perenggan (a) subseksyen (7) kepada bursa saham, pusat penjelasan diiktirafkan atau depository pusat yang dimaksudkan oleh perintah itu.

(5) Tanpa menjejaskan subseksyen (4), jika suatu perintah penggantungan dibuat atau perintah sedemikian dilanjutkan di bawah subseksyen (6), Suruhanjaya hendaklah, jika praktikal berbuat demikian, dengan seberapa segera yang praktik, memberikan suatu salinan perintah itu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, notis pelanjutannya, kepada pegawai utama bursa saham, pusat penjelasan diiktirafkan atau depository pusat yang dimaksudkan oleh perintah itu dan kepada mana-mana anggota badan yang mengawalinya (jika ada) sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya mengikut hal keadaan.

(6) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, melanjutkan tempoh yang semasa itu perintah penggantungan hendaklah terus berkuatkuasa

bagi apa-apa tempoh selanjutnya yang setiap satunya tidak melebihi tiga bulan.

(7) Jika suatu perintah penggantungan dibuat atau dilanjutkan di bawah seksyen ini, Suruhanjaya hendaklah—

- (a) dengan segera menyampaikan suatu salinan perintah atau notis secara bertulis tentang pelanjutan itu kepada bursa saham, pusat penjelasan diiktirafkan atau depository pusat yang dimaksudkan oleh notis itu; dan
- (b) menyebabkan perintah penggantungan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, notis pelanjutan, disiarkan dalam *Warta*.

(8) Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi suatu perintah penggantungan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima juta ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(9) Bagi maksud seksyen ini, "pegawai utama" termasuklah seseorang, dengan nama apa jua disebut, yang sama ada secara individu atau bersesama dengan seorang atau lebih orang lain, bertanggungjawab bagi perjalanan urusan dan pentadbiran bursa saham, pusat penjelasan diiktirafkan atau depository pusat."

Penggantian  
seksyen 13.

**13.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 13 dengan seksyen yang berikut:

"Lesen  
wakil  
peniaga.

13. Seseorang tidak boleh bertindak sebagai seorang wakil peniaga melainkan jika—

- (a) peniaga itu memegang suatu lesen peniaga di bawah Bahagian ini; dan

(b) orang itu memegang suatu lesen wakil peniaga di bawah Bahagian ini."

**14.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 15 dan 15A dengan seksyen yang berikut:

Penggantian seksyen 15 dan 15A.

"Lesen wakil pelaburan.

15. Seseorang tidak boleh bertindak sebagai seorang wakil pelaburan seseorang penasihat pelaburan melainkan jika—

- (a) penasihat pelaburan itu memegang suatu lesen penasihat pelaburan di bawah Bahagian ini; dan
- (b) orang itu memegang suatu lesen wakil pelaburan di bawah Bahagian ini.

Lesen pengurus kumpulan wang.

15A. (1) Seseorang tidak boleh bertindak sebagai seorang pengurus kumpulan wang atau mengemukakan dirinya sebagai seorang pengurus kumpulan wang melainkan jika dia ialah pemegang lesen pengurus kumpulan wang di bawah Bahagian ini.

(2) Peruntukan subseksyen (1) tidak terpakai bagi—

- (a) pemegang lesen peniaga;
- (b) mana-mana perbadanan berkanun awam yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan
- (c) mana-mana orang yang diisytiharkan sebagai peniaga terkecuali oleh Menteri di bawah perenggan (d) dalam takrif "peniaga terkecuali" dalam subseksyen (1) seksyen 2 bagi maksud menguruskan suatu portfolio sekuriti bagi pihak orang lain; atau
- (d) mana-mana orang atau kelas orang yang diisytiharkan sebagai pengurus kumpulan wang terkecuali oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*,

tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan sebagaimana yang boleh dinyatakan oleh Menteri, atas syor Suruhanjaya, dalam perintah itu."

Seksyen baru 15B dan 15C. **15.** Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 15A seksyen yang berikut:

"Lesen wakil pengurus kumpulan wang. **15B.** Seseorang tidak boleh bertindak sebagai seorang wakil pengurus kumpulan wang melainkan jika—

(a) pengurus kumpulan wang itu memegang suatu lesen pengurus kumpulan wang; dan

(b) orang itu memegang suatu lesen wakil pengurus kumpulan wang di bawah Bahagian ini.

Pelanggaran seksyen 12, 13, 14, 15, 15A atau 15B. **15C.** Seseorang yang melanggar seksyen 12, 13, 14, 15, 15A atau 15B adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu juta ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun atau keduanya."

Pindaan seksyen 16. **16.** Seksyen 16 Akta itu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan "Pegawai Pelesen" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Mana-mana fee yang dibayar kepada Suruhanjaya di bawah subseksyen (1) hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan."

**17.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 17 dengan seksyen yang berikut: Penggantian seksyen 17.

"Alasan kerana enggan memberi atau mem-baharui lesen.

17. (1) Suruhanjaya boleh menolak sesuatu permohonan yang dibuat di bawah seksyen 16 jika—

- (a) permohonan itu tidak dibuat mengikut subseksyen (1) seksyen 16 atau maklumat tidak dibekalkan mengikut subseksyen (2) seksyen 16;
- (b) pemohon tidak mematuhi mana-mana kehendak lain Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang berhubungan dengan permohonan itu;
- (c) pemberian suatu lesen kepada pemohon itu bukan demi kepentingan awam; atau
- (d) Suruhanjaya berpuas hati bahawa kriteria minimum yang dinyatakan dalam Jadual tidak dipenuhi oleh pemohon itu.

(2) Suruhanjaya tidak boleh menolak sesuatu permohonan yang dibuat di bawah seksyen 16 tanpa terlebih dahulu memberi pemohon itu suatu peluang untuk didengar.

(3) Menteri boleh dari semasa ke semasa, atas syor Suruhanjaya, meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*".

**18.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 17 seksyen yang berikut; Seksyen baru 17A.

"Orang berlesen hendaklah memberitahu Suruhanjaya mengenai kejadian yang meng-hilangkan kelayakan.

17A. (1) Seseorang orang berlesen hendaklah, sebaik sahaja berlakunya sesuatu kejadian yang menjadi alasan yang berdasarkannya Suruhanjaya boleh membatalkan suatu lesen di bawah seksyen 27, memberi Suruhanjaya notis bertulis menyatakan butir-butir kejadian itu.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), adalah menjadi suatu pembelaan bagi seseorang yang dikehendaki memberikan notis di bawah subseksyen (1) jika dibuktikan bahawa apabila kehendak itu timbul—

- (a) defendan tidak menyedari kejadian yang menyebabkan timbulnya kehendak itu;
- (b) defendan mempercayai atas alasan-alasan yang munasabah bahawa kejadian yang menyebabkan timbulnya kehendak itu bukan suatu alasan yang berdasarkannya Suruhanjaya berhak membatalkan lesen.

(3) Seseorang yang tidak mematuhi subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan."

Penggantian  
seksyen 18  
dan 19.

**19.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 18 dan 19 dengan seksyen yang berikut;

"Pemberian  
atau  
pem-  
baharuan  
lesen.

18. (1) Suruhanjaya boleh—

- (a) atas suatu permohonan untuk mendapatkan pemberian atau pembaharuan suatu lesen peniaga setelah dibuat dengan sewajarnya mengikut seksyen 16 dan setelah diberikan segala maklumat dan dokumen yang dikehendakinya di bawah seksyen itu, dengan persetujuan Menteri, memberi atau membaharui suatu lesen tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkannya patut; atau
- (b) atas suatu permohonan untuk mendapatkan pemberian atau pembaharuan—
  - (i) suatu lesen pengurus kumpulan wang;
  - (ii) suatu lesen penasihat pelaburan;
  - (iii) suatu lesen wakil peniaga;

(iv) suatu lesen wakil pengurus kumpulan wang; atau

(v) suatu lesen wakil pelaburan,

setelah dibuat dengan sewajarnya mengikut seksyen 16 dan setelah diberikan segala maklumat dan dokumen yang dikehendakinya di bawah seksyen itu, memberi atau membaharui suatu lesen tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkannya sesuai.

(2) Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi apa-apa syarat, atau sekatan dalam, sesuatu lesen adalah melakukan suatu kesalahan.

Kuasa Suruhanjaya untuk mengubah lesen dalam hal keadaan tertentu.

19. (1) Pemegang lesen wakil boleh membuat permohonan kepada Suruhanjaya mengikut bentuk dan cara yang ditetapkan untuk mengubah nama pemegang lesen peniaga, lesen pengurus kumpulan wang atau lesen penasihat pelaburan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang bagi pihaknya dia boleh bertindak.

(2) Jika suatu permohonan dibuat dengan sewajarnya di bawah subseksyen (1) Suruhanjaya boleh, jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa pemohon itu telah memenuhi kehendak seksyen 16 dan tidak wujud hal keadaan yang diperihalkan dalam subseksyen (1) seksyen 17, mengubah lesen itu dengan mengubah nama dan alamat peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan yang dinyatakan dalam lesen itu."

20. Seksyen 20 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 20.

(a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

"Kuasa Suruhanjaya menyiasat transaksi syer.";

(b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

" (1) Pada memutuskan sama ada hendak memberikan atau membaharui sesuatu lesen, Suruhanjaya boleh menyiasat apa-apa transaksi yang melibatkan pembelian atau penjualan sekuriti yang dibuat atau disebabkan dibuat oleh orang itu, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, selama mana-mana tempoh dua belas bulan sebelum permohonan untuk mendapatkan pemberian atau pembaharuan lesen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang disebut "tempoh yang relevan" dalam seksyen ini, untuk menentukan jika orang itu telah dalam transaksi itu menggunakan cara atau amalan perdagangan yang curang, tak adil atau tak etik, sama ada cara atau amalan perdagangan itu menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini atau selainnya."

(c) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "Pegawai Pelesen" dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan

(d) dalam subseksyen (3)—

- (i) dengan menggantikan perkataan "Pegawai Pelesen" dengan perkataan "Suruhanjaya";
- (ii) dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan "for renewal of a licence" dengan perkataan "for the renewal of a licence,";
- (iii) dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan "cancelled" dengan perkataan "revoked"; dan
- (iv) dengan memasukkan selepas perkataan "permohonan pertama mendapatkan" perkataan "pemberian".

Seksyen  
baru 20A.

**21.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 20 seksyen yang berikut:

"Kehendak  
kewangan  
minimum.

20A. Tiada orang berlesen boleh menjalankan urusan yang berkenaan dengannya ia dilesenkan tanpa kebenaran bertulis Suruhanjaya jika ia tidak memenuhi kehendak kewangan minimum

sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau sebagaimana yang diperuntukkan dalam mana-mana kaedah bursa saham."

**22.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 21 dengan seksyen yang berikut;

Penggantian seksyen 21.

"Kuasa Suruhanjaya untuk mengenakan syarat atau sekatan pada lesen.

21. (1) Tanpa menjejaskan subseksyen (1) seksyen 18, Suruhanjaya boleh mengenakan apa-apa syarat atau sekatan lain pada mana-mana lesen yang difikirkannya patut semasa lesen itu berkuatkuasa:

Dengan syarat bahawa dalam hal suatu lesen peniaga, apa-apa syarat atau sekatan hanya boleh dikenakan pada lesen itu dengan persetujuan Menteri:

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa jika syarat atau sekatan yang dikenakan mungkin akan menjejaskan kepentingan orang berlesen, Suruhanjaya hendaklah memberi orang berlesen itu peluang untuk didengar.

(2) Apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai syarat atau sekatan yang dikenakan dengan sah di bawah subseksyen (1) seksyen 18."

**23.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 23 dengan seksyen yang berikut:

Penggantian seksyen 23.

"Deposit hendaklah diserahkan simpan berkenaan dengan lesen peniaga atau pengurus kumpulan wang.

23. (1) Kecuali dalam hal seseorang peniaga yang merupakan syarikat anggota, Suruhanjaya tidak boleh memberikan atau membaharui sesuatu lesen peniaga atau pengurus kumpulan wang melainkan jika ada diserahkan simpan dengan Suruhanjaya, pada masa permohonan untuk mendapatkan lesen itu, suatu deposit sejumlah satu ratus ribu ringgit, atau apa-apa jumlah wang yang lebih besar sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri supaya diserahkan simpan berkenaan dengan lesen itu.

(2) Deposit yang dikehendaki oleh subseksyen (1) hendaklah dibuat dengan wang tunai atau dalam apa-apa bentuk sebagaimana

yang dibenarkan oleh Suruhanjaya dalam apa-apa hal yang tertentu.

(3) Suatu deposit yang diserahkan simpan di bawah subseksyen (1) hendaklah digunakan oleh Suruhanjaya tertakluk kepada dan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini."

Pindaan  
seksyen 25.

**24.** Seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menomborkan semula perenggan (b), (c) dan (d) masing-masingnya sebagai perenggan (c), (d) dan (e);

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

"(b) pemegang suatu lesen pengurus kumpulan wang berhenti bertindak sebagai, atau mengemukakan dirinya menjadi, pengurus kumpulan wang;"

(c) dalam teks bahasa Inggeris dalam perenggan (c) dengan menggantikan perkataan "act, as" dengan perkataan "act as,";

(d) dalam perenggan (d) dengan memasukkan selepas perkataan "peniaga" perkataan ", pengurus kumpulan wang";

(e) dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan (d);

(f) dengan menggantikan koma di hujung perenggan (e) dengan perkataan ", atau";

(g) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

"(f) perubahan berlaku mengenai maklumat yang dikemukakan kepada Suruhanjaya mengikut subseksyen (1) atau (2) seksyen 16,"; dan

(h) dengan menggantikan perkataan "Pegawai Pelesen" dengan perkataan "Suruhanjaya".

25. Seksyen 26 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 26.

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "Pegawai Pelesen" dengan perkataan "Suruhanjaya";

(ii) dalam perenggan (a) dengan memasukkan selepas perkataan "peniaga" perkataan ", pengurus kumpulan wang"; dan

(iii) dalam subperenggan (b)(ii) dan (iii) dengan memasukkan selepas perkataan "peniaga" di mana-mana jua terdapat perkataan ", pengurus kumpulan wang"; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

" (3) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan disiarkan dalam *Warta*, mengikut apa-apa bentuk dan cara yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya, suatu senarai nama dan alamat semua peniaga berlesen, pengurus kumpulan wang berlesen dan penasihat pelaburan berlesen.

(4) Maklumat yang dikehendaki disiarkan di bawah subseksyen (3) hendaklah disiarkan sekurang-kurangnya satu kali setiap tahun.

(5) Jika Suruhanjaya pada bila-bila masa meminda mana-mana daftar yang disimpan olehnya di bawah seksyen ini dengan menambah atau memotong nama mana-mana peniaga berlesen, pengurus kumpulan wang berlesen atau penasihat pelaburan berlesen, Suruhanjaya hendaklah menyebabkan butir-butir pindaan itu disiarkan dalam *Warta*."

Penggantian  
seksyen 27  
dan 28.

**26.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 27 dan 28 dengan seksyen yang berikut:

"Pembatalan dan penggantian lesen.  
27. (1) Sesuatu lesen hendaklah disifatkan telah dibatalkan—

(a) dalam hal seseorang individu,—

- (i) jika orang berlesen itu mati; atau
- (ii) jika lesen itu ialah lesen wakil dan pemegang lesen itu berhenti menjadi wakil peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan;

(b) dalam hal suatu perbadanan, jika perbadanan itu telah digulung.

(2) Suruhanjaya boleh membatalkan suatu lesen—

(a) dalam hal seseorang orang berlesen yang merupakan seorang individu—

- (i) atas apa-apa alasan yang berdasarkan Suruhanjaya boleh enggan memberikan atau membaharui suatu lesen di bawah seksyen 17;
- (ii) jika suatu levi pelaksanaan yang dikenakan berkenaan dengan orang berlesen itu tidak disempurnakan;
- (iii) jika orang berlesen berhenti menjalankan urusan yang mengenainya dia dilesenkan bagi suatu tempoh tiga bulan berturut-turut;
- (iv) jika, dalam hal seorang wakil, lesen peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan yang berhubungan dengannya lesen itu telah diberikan, dibatalkan;
- (v) jika Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang

berlesen atau mana-mana wakilnya tidak melaksanakan kewajipannya dengan cekap, jujur atau adil;

- (vi) jika orang berlesen melanggar atau tidak mematuhi apa-apa kaedah bursa saham, pusat penjelasan diiktirafkan atau depository pusat yang mengikatnya; atau
- (vii) jika orang berlesen melanggar atau tidak mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang terpakai berkenaan dengan lesen itu atau mana-mana peruntukan lain Akta ini;

(b) dalam hal—

- (i) suatu perbadanan yang merupakan peniaga berlesen, dengan persetujuan Menteri; dan
- (ii) dalam hal mana-mana perbadanan lain—
  - (A) atas apa-apa alasan yang berdasarkannya Suruhanjaya boleh enggan memberikan atau membaharui suatu lesen di bawah seksyen 17;
  - (B) jika suatu levi pelaksanaan yang dikenakan berkenaan dengan perbadanan itu tidak disempurnakan;
  - (C) jika perbadanan itu sedang atau akan digulung;
  - (D) jika seseorang penerima, atau seseorang penerima dan pengurus, telah dilantik, sama ada oleh mahkamah atau oleh pemiutang berkenaan dengan harta perbadanan itu;

- (E) jika perbadanan itu telah membuat apa-apa komposisi atau perkiraan dengan pemiutangnya;
- (F) jika perbadanan itu berhenti menjalankan urusan yang mengenainya ia dilesenkan bagi suatu tempoh tiga bulan berturut-turut;
- (G) jika Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa perbadanan itu atau mana-mana wakilnya tidak melaksanakan kewajibannya dengan cekap, jujur atau adil;
- (H) jika perbadanan itu melanggar atau tidak mematuhi mana-mana kaedah bursa saham, pusat penjelasan diiktirafkan atau depository pusat yang mengikatnya; atau
- (I) jika perbadanan itu melanggar atau tidak mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang terpakai berkenaan dengan lesen itu atau mana-mana peruntukan lain Akta ini.

(3) Dalam hal yang mengenainya subseksyen (2) terpakai, Suruhanjaya boleh, jika difikirkannya wajar berbuat demikian dan bahawa hal keadaan tidaklah sedemikian rupa sehingga mewajarkan pembatalan, menggantung lesen itu bagi suatu tempoh tertentu dan boleh pada bila-bila masa membatalkan penggantungan itu:

Dengan syarat bahawa dalam hal suatu lesen peniaga, lesen itu hanya boleh digantung dengan persetujuan Menteri.

(4) Suruhanjaya tidak boleh membatalkan atau menggantung suatu lesen di bawah subseksyen (2) atau (3) tanpa memberi orang berlesen itu peluang untuk didengar terlebih dahulu.

(5) Seseorang yang lesennya dibatalkan atau digantung di bawah seksyen ini hendaklah, bagi maksud Bahagian ini, disifatkan tidak dilesenkan dari tarikh pembatalan atau penggantungan itu mula berkuatkuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Pembatalan atau penggantungan sesuatu lesen di bawah seksyen ini atau penyerahan sesuatu lesen di bawah subseksyen (1) seksyen 28A atau habis tempoh sesuatu lesen tidaklah berkuatkuasa sehingga ia—

- (a) mengelakkan atau menyentuh apa-apa perjanjian, transaksi atau perkiraan yang berhubungan dengan sekuriti yang dibuat oleh orang itu, sama ada perjanjian, transaksi atau perkiraan itu dibuat sebelum tindakan sedemikian diambil oleh Suruhanjaya, atau lesen itu diserahkan oleh orang itu atau habis tempoh lesen itu; atau
- (b) menyentuh apa-apa hak, obligasi atau tanggungan di bawah apa-apa perjanjian, transaksi atau perkiraan.

Rayuan. 28. (1) Seseorang, selain daripada seorang peniaga berlesen, yang terkilang dengan mana-mana keputusan Suruhanjaya di bawah seksyen 17 atau 27 boleh merayu kepada Menteri dalam masa empat belas hari selepas keputusan Suruhanjaya.

(2) Jika sesuatu rayuan dibuat kepada Menteri di bawah subseksyen (1), keputusan Suruhanjaya di bawah seksyen 17 atau 27, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh mula berkuatkuasa sehingga rayuan diselesaikan oleh Menteri.

(3) Atas suatu rayuan terhadap keputusan Suruhanjaya di bawah subseksyen (1), Menteri boleh—

- (a) mengesahkan keputusan Suruhanjaya;
- (b) mengetepikan keputusan Suruhanjaya; atau
- (c) mengetepikan keputusan Suruhanjaya dan membuat suatu keputusan untuk menggantikan keputusan itu.

(4) Keputusan Menteri di bawah subseksyen (3) adalah muktamad."

Seksyen  
baru 28A.

**27.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 28 seksyen yang berikut:

"Penyerahan  
lesen.

28A. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang orang berlesen boleh menyerahkan lesennya dengan menghantarkannya kepada Suruhanjaya bersama suatu notis bertulis mengenai penyerahannya.

(2) Penyerahan sesuatu lesen tidak akan mula berkuatkuasa sehingga Suruhanjaya berpuas hati bahawa perkiraan yang mencukupi telah dibuat bagi memenuhi segala tanggungan dan obligasi orang berlesen itu yang belum selesai pada masa notis penyerahan itu diberikan oleh orang berlesen itu.

(3) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan disiarkan dalam *Warta* dengan seberapa segera

yang praktik suatu notis mengenai tiap-tiap penyerahan lesen di bawah subseksyen (1), tetapi apa-apa kelengahan dalam menyiarkan notis sedemikian atau kegagalan untuk menyiarkannya tidaklah menyentuh kesahan penyerahan itu."

**28.** Seksyen 29 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 29.

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perenggan (e) dengan perenggan yang berikut:

"(e) seorang pengurus kumpulan wang;"

(ii) dengan menomborkan semula perenggan (f) dan (g) masing-masingnya sebagai perenggan (g) dan (h); dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

"(f) seorang wakil pengurus kumpulan wang;" dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dan (3) dengan subseksyen yang berikut:

" (2) Dalam Bahagian ini, "wartawan kewangan" ertinya seseorang yang bukan seorang orang berlesen dan, dalam perjalanan urusan atau kerja orang itu menyumbangkan nasihat, atau menyediakan analisis-analisis atau laporan-laporan, mengenai sekuriti untuk disiarkan—

(a) dalam sesuatu akhbar atau terbitan berkala;

(b) dalam perjalanan, atau melalui, penghantaran yang dibuat melalui suatu perkhidmatan maklumat; atau

(c) dalam rakaman bunyi, rakaman video atau rakaman data.

(3) Dalam Bahagian ini, sebutan mengenai sekuriti ialah sebutan mengenai sekuriti sesuatu perbadanan atau mengenai sekuriti yang disebut harga atau diniagakan di suatu bursa saham di Malaysia, mengikut kehendak keadaan."

Pindaan  
seksyen 30.

**29.** Seksyen 30 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "dinamakannya dalam permohonannya untuk sesuatu lesen" dengan perkataan "boleh dinamakan oleh orang yang disebut dalam subseksyen (1) bagi maksud Bahagian ini dengan syarat bahawa orang itu hendaklah memberitahu Suruhanjaya secara bertulis selepas mula menyimpan daftar itu"; dan
- (b) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan "selepas kepentingan itu diperolehi" dengan perkataan "dari masa yang dia semunasabahnya disifatkan menyedari tentang perolehan itu".

Pindaan  
seksyen 31.

**30.** Seksyen 31 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "Pegawai Pelesen" dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan
- (b) dalam subseksyen (1) dan (4) dengan menggantikan perkataan "Pegawai Pelesen" dengan perkataan "Suruhanjaya".

Pindaan  
seksyen 32.

**31.** Subseksyen 32(1) Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "seksyen 30 dan 31" dengan perkataan "seksyen 30 atau 31"; dan
- (b) dalam perenggan (c) dengan menggantikan perkataan "empat belas hari" dengan perkataan "apa-apa masa sebagaimana yang ditetapkan".

**32.** Subseksyen 37(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pegawai Pelesen" dengan perkataan "Suruhanjaya".

Pindaan  
seksyen 37

**33.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 38 dengan seksyen yang berikut:

Penggantian  
seksyen 38.

"Penge-  
luaran  
nota  
kontrak.

38. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi mengadakan peruntukan mengenai dan berkenaan dengan pemberian nota kontrak oleh peniaga dan pengurus kumpulan wang bagi transaksi yang dibuat oleh mereka, atau mengikut budi bicara mereka, bagi pihak orang lain . berkenaan dengan sesuatu transaksi pembelian atau penjualan sekuriti.

(2) Seseorang peniaga atau pengurus kumpulan wang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah mematuhi kehendak mana-mana peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(3) Seseorang peniaga atau pengurus kumpulan wang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana kehendak peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila sabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu juta ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun atau kedua-duanya."

**34.** Seksyen 39 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 39.

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "peniaga," perkataan "pengurus kumpulan wang,"; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan "wakil peniaga" perkataan ", wakil pengurus kumpulan wang";

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

" (5A) Bagi maksud subseksyen (5), "underait" termasuklah "pengunderaitan kecil";

(c) dalam subseksyen (6)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "peniaga," perkataan "pengurus kumpulan wang,"; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan "wakil peniaga" perkataan ", wakil pengurus kumpulan wang";

(d) dengan menggantikan subseksyen (7) dengan subseksyen yang berikut:

" (7) Jika seseorang yang merupakan seorang peniaga, pengurus kumpulan wang, penasihat pelaburan, wakil peniaga, wakil pengurus kumpulan wang atau wakil pelaburan menghantar kepada seseorang suatu pekililing atau perhubungan lain atau suatu tawaran atau syor bertulis yang baginya subseksyen (1), (4) atau (5) terpakai, orang yang pertama disebut hendaklah menyimpan suatu salinan pekililing atau perhubungan lain itu, atau suatu tawaran atau syor bertulis, yang ditandatangani sewajarnya oleh orang berkenaan, selama tempoh tujuh tahun.";

(e) dengan memotong subseksyen (8) dan (9); dan

(f) dengan memasukkan selepas subseksyen (11) subseksyen yang berikut:

"(11A) Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri jika ia adalah demi kepentingan awam, mengecualikan secara bertulis sesuatu sekuriti atau apa-apa kelas sekuriti daripada pemakaian seksyen itu."

**35.** Seksyen 40 Akta ibu adalah dipinda—Pindaan  
seksyen 40.

- (a) dalam subseksyen (5) dengan memasukkan selepas perkataan "anggota" perkataan "syarikat"; dan
- (b) dalam subseksyen (7)—
  - (i) dengan menggantikan perkataan "diberi kepada seseorang peniaga" dengan perkataan "diberikan kepada peniaga itu";
  - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "nota kontrak" perkataan "atau apabila menyedari kegagalan mematuhi subseksyen (1) atau (3), mengikut mana-mana yang lebih kemudian,"; dan
  - (iii) dengan menggantikan perkataan "jika seseorang peniaga tidak" dengan perkataan "jika peniaga itu tidak".

**36.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 40 seksyen yang berikut:Seksyen baru  
40A, 40B dan  
40C"Syor  
oleh  
penasihat.

40A. (1) Seseorang penasihat tidak boleh membuat sesuatu syor berkenaan dengan sekuriti atau suatu kelas sekuriti kepada seseorang yang semunasabahnya boleh dijangkakan akan bergantung kepada syor itu tanpa mempunyai asas yang munasabah untuk membuat syor itu kepada orang itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang penasihat tidak mempunyai suatu asas yang munasabah untuk membuat syor kepada seseorang melainkan jika—

- (a) penasihat itu telah, bagi maksud menentukan bahawa syor itu adalah wajar, mengambil kira maklumat yang ada pada penasihat itu mengenai objektif pelaburan, kedudukan kewangan dan keperluan yang tertentu orang itu;

- (b) penasihat itu telah memberikan apa-apa pertimbangan kepada, dan menjalankan apa-apa penyiasatan tentang, hal perkara syor itu sebagaimana yang munasabah dalam segala hal keadaan; dan
  - (c) syor itu adalah berasaskan pertimbangan dan penyiasatan sedemikian,
- (3) Seseorang penasihat yang melanggar subseksyen (1) tidak melakukan suatu kesalahan.
- (4) Jika—
- (a) seseorang penasihat melanggar subseksyen (1) atau seksyen 39 dengan membuat suatu syor kepada seseorang; dan
  - (b) orang itu, kerana bergantung kepada syor itu, melakukan sesuatu tindakan yang tertentu atau menahan diri daripada melakukan sesuatu tindakan yang tertentu; dan
  - (c) adalah munasabah, setelah mengambil kira syor itu dan semua hal keadaan lain yang relevan, bagi orang itu melakukan tindakan itu atau menahan diri daripada melakukan tindakan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kerana bergantung kepada syor itu; dan
  - (d) orang itu mengalami kehilangan atau kerugian akibat melakukan tindakan itu atau menahan diri daripada melakukan tindakan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan,

penasihat itu adalah bertanggung untuk membayar gantirugi kepada orang itu berkenaan dengan kehilangan atau kerugian itu.

(5) Seseorang penasihat tidaklah bertanggung di bawah subseksyen (4) jika dibuktikan bahawa seseorang orang yang

munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangkakan akan melakukan atau meninggalkan daripada melakukan, mengikut mana-mana yang berkenaan, tindakan itu kerana bergantung kepada syor itu walaupun penasihat itu telah mematuhi seksyen itu berhubungan dengan syor itu.

(6) Dalam hal suatu pelanggaran subseksyen (1), seseorang penasihat tidak bertanggung sedemikian jika dibuktikan bahawa syor itu adalah, dalam semua hal keadaan, wajar dengan mengambil kira maklumat yang ada pada penasihat itu tentang objektif pelaburan, kedudukan kewangan dan keperluan yang tertentu klien itu semasa membuat syor itu.

(7) Dalam seksyen ini—

- (a) sebutan mengenai seseorang penasihat ialah sebutan mengenai seseorang peniaga, pengurus kumpulan wang, penasihat pelaburan, wakil peniaga, wakil pengurus kumpulan wang atau wakil pelaburan; dan
- (b) sebutan mengenai pembuatan sesuatu syor ialah sebutan mengenai pembuatan sesuatu syor sama ada secara nyata atau secara tersirat.

Kewajipan untuk memberi Suruhanjaya apa-apa penyata dan maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

40B. (1) Seseorang peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan hendaklah memberikan apa-apa penyata dan menyediakan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan urusannya sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh menetapkan yang apa-apa maklumat yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) hendaklah dikemukakan dalam apa-apa tempoh, pada apa-apa lat tempoh, mengikut apa-apa cara atau dalam apa-apa bentuk yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

Obligasi  
tambahan  
orang  
berlesen.

40c. (1) Sebagai tambahan kepada kehendak yang dikenakan ke atas berlesen di bawah Akta ini, Suruhanjaya boleh mengenakan—

(a) dalam hal orang berlesen pada amnya, atau mana-mana kelas orang berlesen, melalui peraturan- peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; atau

(b) dalam hal mana-mana orang berlesen yang tertentu, melalui arahan bertulis yang diberikan kepada orang itu, apa-apa kehendak selanjutnya yang didapati wajar oleh Suruhanjaya berkenaan dengan cara seseorang yang kepadanya kehendak itu dimaksudkan melibatkan diri dalam pelakuan sebagai orang berlesen sedemikian atau sebagaimana yang dikehendaki daripada orang berlesen itu berkenaan dengan hal-ehwal kewangan orang berlesen itu.

(2) Seseorang orang berlesen tidak boleh gagal mematuhi kehendak yang dikenakan di bawah subseksyen (1)."

Pindaan  
seksyen 41.

37. Seksyen 41 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (4)(c) dengan perenggan yang berikut:

"(c) penjualan sekuriti-sekuriti jika—

(i) sekuriti-sekuriti itu adalah termasuk dalam kelas sekuriti-sekuriti yang berhubungan dengannya ada peruntukan dalam kaedah-kaedah bursa saham yang memberi kesan bahawa kelas itu ialah kelas sekuriti-sekuriti yang baginya perenggan ini terpakai;

(ii) penjualan itu dibuat sebagaimana yang diperuntukkan oleh kaedah-kaedah bursa saham; dan

- (iii) pada masa penjualan itu, orang yang menjual sekuriti-sekuriti itu, atau mana-mana orang yang bagi pihaknya orang yang pertama disebut menjualkan sekuriti-sekuriti itu bukan merupakan seorang sekutu, berhubungan dengan penjualan itu, pertubuhan perbadanan yang mengeluarkan atau mengadakan sekuriti-sekuriti itu."

- 38.** Tajuk Bahagian VII Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "AKAUN DAN AUDIT" perkataan yang berikut:

Pindaan  
tajuk  
Bahagian  
VII.

"PENGAL 1  
*Akaun—Peniaga*".

- 39.** Seksyen 42 Akta ibu adalah dipinda—
- Pindaan  
seksyen 42.
- (a) dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "Bahagian" dengan perkataan "Pengal"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "Bahagian" dengan perkataan "Pengal".
- 40.** Seksyen 43 Akta ibu adalah dipinda—
- Pindaan  
seksyen 43.
- (a) dalam teks bahasa Inggeris dalam subseksyen (1) dan (2) dengan memasukkan selepas perkataan "accounting" perkataan "records"; dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (3), (4), (5) dan (6) dengan subseksyen yang berikut:
- "(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), seseorang peniaga hendaklah—
- (a) menyimpan atau menyebabkan disimpan akaun-akaun dan rekod-rekod dengan cukup terperinci untuk menunjukkan butir-butir mengenai—
- (i) semua wang yang diterima atau dibayar oleh peniaga, termasuk wang dibayar ke dalam, atau pembayaran daripada, suatu akaun amanah;

- (ii) semua pembelian dan penjualan sekuriti yang dibuat oleh peniaga, bayaran dan kredit yang berbangkit daripadanya, dan nama pembeli dan penjual, masing-masingnya, bagi setiap sekuriti itu;
- (iii) segala pendapatan yang diterima daripada komisen, bunga dan sumber lain, dan perbelanjaan, komisen dan bunga yang dibayar oleh peniaga;
- (iv) segala aset dan liabiliti termasuk liabiliti kontigen peniaga sama ada yang berhubungan dengan urusan berniaga sekuriti atau urusan lain;
- (v) segala sekuriti yang merupakan harta peniaga, menunjukkan oleh siapa sekuriti itu, atau dokumen hakmilik sekuriti itu, dipegang dan, ia dipegang oleh orang lain, sama ada atau tidak ia dipegang sebagai jaminan terhadap pinjaman atau pendahuluan;
- (vi) segala sekuriti yang bukan harta peniaga dan yang baginya peniaga atau mana-mana penama yang dikawal oleh peniaga bertanggungjawab, menunjukkan oleh siapa, dan bagi siapa, sekuriti itu, atau dokumen hakmilik sekuriti itu, dipegang dan, takat yang sama ada ia dipegang untuk disimpan selamat atau didepositkan

dengan suatu pihak ketiga sebagai jaminan bagi pinjaman atau pendahuluan yang dibuat kepada peniaga itu;

- (vii) segala transaksi pengunderaitan yang dibuat oleh peniaga itu; dan
  - (viii) segala transaksi pengarbitraj yang dibuat oleh peniaga itu;
- (b) menyimpan akaun-akaun dan rekod-rekod dengan cukup terperinci untuk menunjukkan secara berasingan butir tiap-tiap transaksi yang dibuat oleh peniaga itu; .
- (c) menyimpan akaun-akaun dan rekod-rekod yang menyatakan hari atau tempoh setiap transaksi oleh peniaga itu berlaku;
- (d) menyimpan salinan akuan penerimaan sekuriti atau dokumen hakmilik sekuriti yang diterima oleh peniaga daripada klien untuk dijual atau disimpan selamat, yang menunjukkan dengan jelas nama atau nama-nama sekuriti yang dalamnya yang tertentu didaftarkan;
- (e) menyimpan dan menyenggarakan satu Daftar Skrip Am yang merekodkan penerimaan dan pelupusan oleh peniaga itu akan semua sekuriti selain daripada sekuriti yang diselenggarakan dalam Daftar Skrip Simpanan Selamat;
- (f) menyimpan dan menyenggarakan suatu Daftar Skrip Simpanan Selamat yang merekodkan semua sekuriti yang dipegang oleh peniaga itu untuk simpanan selamat; dan

(g) menyimpan dan menyenggarakan suatu Daftar Pengunderaitan yang merekodkan semua transaksi pengunderaitan kecil dan pengunderaitan yang dibuat oleh peniaga itu.

(4) Tanpa menjejaskan subseksyen (3), seseorang peniaga hendaklah meyimpan rekod-rekod dengan cukup terperinci untuk menunjukkan secara berasingan butir-butir segala transaksi peniaga itu dengan, atau bagi akaun,—

- (a) klien peniaga itu;
- (b) peniaga itu sendiri;
- (c) wakil peniaga itu; dan
- (d) sekutu peniaga itu.

(5) Suatu catatan dalam rekod perakaunan dan rekod-rekod lain seseorang peniaga yang dikehendaki disimpan mengikut seksyen ini hendaklah disifatkan telah dibuat oleh, atau dengan kebenaran peniaga itu.

(6) Walau apa pun peruntukan lain seksyen ini, seseorang peniaga tidak boleh disifatkan tidak menyimpan suatu rekod yang disebut dalam subseksyen (1) hanya oleh sebab rekod itu disimpan sebagai sebahagian daripada, atau bersama dengan, rekod-rekod yang berhubungan dengan apa-apa urusan selain daripada urusan berniaga sekuriti yang dijalankan olehnya.

(7) Seseorang peniaga yang—

- (a) melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit; atau

- (b) dengan niat hendak menipu, melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada tiga juta ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun atau kedua-duanya."

**41.** Subseksyen 44(1) Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 44.

- (a) dengan menggantikan perkataan "bank atau bank-bank di Malaysia" dengan perkataan "institusi berlesen";
- (b) dalam perenggan (a) dengan menggantikan perkataan "sebelum atau dalam tempoh lima hari perniagaan bank selepas diterima amaun-amaun itu" dengan perkataan "tidak lewat daripada hari perniagaan bank berikutnya yang padanya ia diterima oleh peniaga itu"; dan
- (c) dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan "dalam tempoh lima hari perniagaan bank selepas diterima amaun-amaun itu" dengan perkataan "tidak lewat daripada hari perniagaan bank berikutnya yang padanya ia diterima oleh peniaga itu".

**42.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 44 seksyen yang berikut:

Seksyen  
baru 44A.

"Harta  
selain  
daripada  
wang  
yang  
diterima  
oleh  
peniaga.

44A. (1) Seseorang peniaga hendaklah menguruskan apa-apa harta, selain daripada wang, yang diterima, dipegang atau didepositkan dengan peniaga itu dalam menjalankan urusannya dan yang mengenainya ia hendaklah memberikan penjelasan kepada orang lain, mengikut apa-apa cara yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Seseorang peniaga yang melanggar atau tidak mematuhi peraturan-peraturan yang dibuat bagi maksud subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan."

Pindaan  
seksyen 45.

**43.** Seksyen 45 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dan (b) dengan perenggan yang berikut:

"(a) kepada, atau mengikut arahan bertulis, seseorang yang berhak kepada wang itu;

(b) membayar caj pembrokeran dan caj sepatutnya yang lain; atau".

Seksyen  
baru 45A

**44.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 45 seksyen yang berikut:

"Peniaga  
hendaklah  
membekal-  
kan  
salinan  
catatan  
dalam  
buku.

45A. (1) Seseorang peniaga hendaklah membekali, apabila diminta, kepada kliennya atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh klien itu, salinan segala catatan dalam bukunya yang berhubungan dengan apa-apa transaksi yang dijalankan bagi pihak klien itu dan peniaga itu berhak mengenakan suatu caj yang munasabah baginya.

(2) Seseorang yang disebut dalam subseksyen (1) berhak pada bila-bila masa tanpa bayaran sama ada sendiri atau melalui ejennya memeriksa mana-mana nota kpnttrak atau baucar yang berhubungan dengan transaksi tersebut."

Pindaan  
seksyen 46.

**45.** Seksyen 46 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Bahagian" dengan perkataan "Penggall".

Penggall  
baru 2.

**46.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 47 Penggall yang berikut:

#### "PENGGAL 2

#### *Akaun—Pengurus Kumpulan Wang*

Pemakaian  
Penggall.

47A. (1) Penggall ini adalah terpakai bagi dan berhubungan dengan seseorang pengurus kumpulan wang.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh terpakai bagi sesuatu perbadanan yang menguruskan suatu portfolio sekuriti semata-mata untuk atau bagi pihak mana-mana perbadanannya yang berhubungan, dengan syarat bahawa sekuriti perbadanan yang kedua disebut yang diuruskan oleh perbadanan yang pertama disebut bukan merupakan sekuriti yang dipegang sebagai amanah atau bagi pihak atau dipunyai secara benefisial oleh mana-mana orang lain, atau disebabkan oleh apa-apa kontrak pelaburan yang dibuat oleh perbadanan yang kedua disebut untuk membayar hutang seseorang pengurus kumpulan wang.

(3) Bagi maksud seksyen ini "kontrak pelaburan" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada ungkapan itu dalam subseksyen (1) seksyen 84 Akta Syarikat 1965.

*Akta 125*

Akaun  
hendaklah  
disimpan  
oleh  
pengurus  
kumpulan  
wang.

47B. (1) Seseorang pengurus kumpulan wang hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan apa-apa rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang akan menjelaskan dengan secukupnya transaksi dan kedudukan kewangan urusannya dan membolehkan akaun-akaun untung rugi dan kunci kira-kira yang benar dan saksama disediakan dari semasa ke semasa, dan hendaklah menyebabkan rekod-rekod itu disimpan mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditetapkan untuk membolehkannya diaudit dengan mudah dan sepatutnya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), tiap-tiap pengurus kumpulan wang hendaklah menyenggarakan apa-apa buku dan rekod dan memfailkan apa-apa laporan itu kepada Suruhanjaya dalam bentuk dan cara yang ditetapkan.

(3) Seseorang pengurus kumpulan wang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan satu kesalahan.

Pengen-  
dalian  
akaun  
amanah

47C. (1) Seseorang pengurus kumpulan wang hendaklah menyenggarakan suatu akaun amanah bagi segala wang dan harta kliennya dan hendaklah membuat perkiraan untuk mendapatkan seorang penjaga untuk menyenggarakan akaun amanah itu.

(2) Suruhanjaya boleh, jika difikirkannya patut berbuat sedemikian, mengecualikan seseorang pengurus kumpulan wang daripada keperluan di bawah subseksyen (1) untuk mendapatkan seorang penjaga untuk menyenggarakan akaun amanah itu dan membenarkan mana-mana orang lain untuk menyenggarakan akaun amanah itu.

(3) Seseorang pengurus kumpulan wang hendaklah membayar wang atau harta klien ke dalam akaun amanah yang disenggarakan oleh seorang penjaga atau mana-mana orang yang dibenarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak lewat daripada hari perniagaan bank berikutnya yang padanya pengurus kumpulan wang itu menerima wang atau harta klien itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), jika wang atau harta yang dikehendaki oleh seksyen ini dibayar atau didepositkan ke dalam suatu akaun amanah diterima oleh pengurus kumpulan wang di suatu tempat di luar Malaysia, pengurus kumpulan wang itu boleh membayar wang itu atau mendepositkan harta itu ke dalam suatu akaun amanah yang disenggarakan olehnya di tempat itu.

(5) Seseorang pengurus kumpulan wang tidak boleh mengeluarkan apa-apa wang daripada suatu

akaun amanah kecuali bagi maksud membuat pembayaran—

- (a) kepada orang yang berhak kepadanya; atau
- (b) yang selainnya dibenarkan oleh undang-undang.

(6) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Penggal ini, wang atau harta yang dipegang dalam suatu akaun amanah tidak boleh digunakan untuk bayaran hutang seseorang pengurus kumpulan wang atau boleh kena dibayar atau diambil dalam pelaksanaan di bawah perintah atau proses mahkamah untuk membayar hutang seseorang pengurus kumpulan wang.

(7) Pemegang lesen wakil pengurus kumpulan wang tidak boleh menerima atau memegang wang atau harta klien melainkan jika dia melakukan sedemikian bagi pihak pengurus kumpulan wang dan dalam menjalankan kerja di bawah suatu kontrak kerja dengan pengurus kumpulan wang itu.

(8) Tiada apa-apa jua dalam Penggal ini boleh ditafsirkan sebagai menyingkirkan atau menyentuh apa-apa tuntutan atau lien yang sah di sisi undang-undang yang dipunyai oleh seseorang terhadap atau ke atas apa-apa wang atau harta yang dipegang dalam akaun amanah atau terhadap atau ke atas apa-apa wang atau harta yang diterima untuk membeli sekuriti atau daripada penjualan sekuriti sebelum wang itu dimasukkan ke dalam akaun amanah itu.

(9) Seseorang pengurus kumpulan wang yang—

- (a) melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit; atau

(b) dengan niat hendak menipu, melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu juta ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(10) Bagi maksud Penggal ini—

"penjaga", berhubungan dengan seseorang klien pengurus kumpulan wang, ertinya—

- (a) suatu institusi berlesen yang dilantik oleh pengurus kumpulan wang dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis klien; atau
- (b) mana-mana institusi lain yang dilantik oleh klien atau yang diberikuasa oleh klien, mengikut mana-mana yang berkenaan;

"akaun amanah" ertinya suatu akaun semasa, deposit atau harta yang—

- (a) dipegang oleh penjaga; atau
- (b) dipegang oleh mana-mana orang lain yang dibenarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (2),

dan dalam tajuknya mengandungi perkataan "Akaun Amanah/Klien".

Wang  
klien.

47D. (1) Seseorang pengurus kumpulan wang tidak boleh berniaga sekuriti untuk atau bagi pihak seseorang klien melainkan jika, setakat yang dia menerima wang atau harta klien itu,—

- (a) dia berbuat demikian atas dasar yang ia hendaklah digunakan semata-mata bagi tujuan tertentu yang dipersetujui apabila atau sebelum dia menerima wang atau harta itu;

- (b) sementara menunggu penggunaan sedemikian, wang atau harta itu dibayar atau didepositkan pada hari perniagaan bank berikutnya kepada seorang penjaga yang dengannya suatu akaun amanah disenggarakan mengikut Penggal ini atau kepada mana-mana orang yang dibenarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (2) kepada seksyen 47C; dan
- (c) satu buku catatan berasingan hendaklah direkodkan dan disenggarakan olehnya bagi setiap klien mengikut Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, berhubungan dengan wang atau harta klien itu.

(2) Seseorang pengurus kumpulan wang yang melanggar subseksyen (1) melakukan sesuatu kesalahan.

(3) Dalam seksyen ini, "wang atau harta klien" artinya wang yang diterima atau diterima simpan oleh seseorang pengurus kumpulan wang, atau harta yang didepositkan dengan seseorang pengurus kumpulan wang, dalam menjalankan urusannya sedemikian yang mengenainya dia hendaklah memberikan penjelasan kepada klien itu, dan termasuklah wang yang diterima atau harta yang didepositkan dengan atau dipegang oleh seseorang penjaga atau oleh mana-mana orang yang dibenarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (2) seksyen 47C yang mengenainya ia hendaklah memberikan penjelasan atau menghantar-serahkan kepada klien itu.

Hak mendapatkan salinan catatan buku. memeriksa nota kontrak, dsb.

47E. (1) Seseorang pengurus kumpulan wang hendaklah membekali, apabila diminta, kliennya atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh klien itu, salinan segala catatan dalam bukunya yang berhubungan dengan apa-apa transaksi.

(2) Seseorang yang disebut dalam subseksyen (1) berhak tanpa bayaran sama ada sendiri atau melalui ejennya memeriksa nota kontrak atau baucar yang berhubungan dengan transaksi tersebut."

Penggal 3  
baru.

**47.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 47E tajuk yang berikut:

"PENGAL 3  
*Audit*".

Penggantian  
seksyen 48.

**48.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 48 dengan seksyen yang berikut:

"Perlan-  
tikan  
juruaudit.

48. (1) Penggal ini adalah terpakai bagi urusan seseorang peniaga, seseorang pengurus kumpulan wang, suatu bursa saham dan suatu pusat penjelasan diiktirafkan.

(2) Sebutan mengenai seseorang orang yang relevan dalam Penggal ini hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai seseorang peniaga, seseorang pengurus kumpulan wang, suatu bursa saham atau suatu pusat penjelasan diiktirafkan.

*Akta 125.*

(3) Walau apa pun peruntukan Akta Syarikat 1965, seseorang orang yang relevan hendaklah melantik seorang juruaudit untuk mengaudit bagi tahun yang berkenaan dengannya dia dilantik akaun orang yang relevan itu.

(4) Seseorang orang yang relevan—

(a) hendaklah memecat juruaudit orang yang relevan itu jika juruaudit itu menjadi tak layak menurut kuasa seksyen 48A; dan

(b) boleh dalam apa-apa hal lain, dengan persetujuan bertulis Suruhanjaya, memecat juruaudit orang yang relevan itu daripada jawatannya.

(5) Seseorang juruaudit orang yang relevan boleh meletakkan jawatannya dengan memberi notis secara bertulis bagi maksud itu dengan Suruhanjaya dengan syarat bahawa notis itu hendaklah disertakan dengan—

- (a) suatu pernyataan mengenai apa-apa hal keadaan yang berkaitan dengan pemberhentiannya daripada memegang jawatan yang dia difikirkannya patut dibawa ke perhatian Suruhanjaya; atau
- (b) jika dia berpendapat bahawa tiada hal keadaan sedemikian, suatu pernyataan tentang ketiadaannya.

(6) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain Akta ini, Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa memecat seseorang juruaudit yang dilantik oleh seseorang orang yang relevan jika Suruhanjaya tidak berpuashati dengan cara juruaudit itu melaksanakan kewajipannya."

**49.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 48 seksyen yang berikut; Seksyen baru 48A.

"Sekutu tidak boleh dilantik sebagai juruaudit. 48A. Seseorang yang relevan tidak boleh melantik seseorang sekutu bagi seorang yang relevan itu sebagai juruaudit bagi apa-apa akaunnya."

**50.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 49 dan 50 dengan seksyen yang berikut: Penggantian seksyen 49 dan 50.

"Orang yang relevan hendaklah menyerah-simpan laporan juruaudit. 49. (1) Seseorang orang yang relevan hendaklah dalam masa tiga bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, atau apa-apa tempoh selanjutnya yang dibenarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (2), menyerah-simpan kepada Suruhanjaya dan Pendaftar, laporan juruaudit yang mengandungi maklumat mengenai apa-apa perkara sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Jika sesuatu permohonan untuk melanjutkan tempoh tiga bulan yang dinyatakan dalam subseksyen (1) dibuat oleh orang yang relevan kepada Suruhanjaya dan jika Suruhanjaya berpuashati bahawa ada sebab-sebab istimewa mengapa perlanjutan itu diperlukan, maka Suruhanjaya boleh melanjutkan tempoh itu dengan tempoh tambahan selama tiga bulan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya supaya dikenakan.

(3) Seseorang orang yang relevan yang melanggar atau tidak mematuhi subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu juta ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Bagi maksud subseksyen (1), "tahun kewangan", berhubung dengan seseorang orang yang relevan, ertinya tahun kewangan perbadanan itu mengikut pengertian Akta Syarikat 1965.

*Akta 125.*

Kewajipan  
juruaudit.

50. (1) Jika, semasa melaksanakan kewajipan sebagai juruaudit bagi seseorang orang yang relevan, seseorang juruaudit menyedari—

- (a) apa-apa perkara yang pada pendapatnya boleh menjadi suatu pelanggaran mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti;
- (b) apa-apa ketakteraturan yang boleh membawa kesan yang material atas akaun orang yang relevan, termasuk apa-apa ketakteraturan yang membahayakan atau mungkin membahayakan wang atau harta klien seseorang orang yang relevan, mengikut mana-mana yang terpakai;
- (c) bahawa kerugian telah ditanggung oleh orang yang relevan yang merupakan seorang peniaga atau seorang pengurus

kumpulan wang yang menyebabkan orang yang relevan itu tidak mampu memenuhi kehendak kewangan minimum yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; .atau

- (d) bahawa juruaudit itu tidak dapat mengesahkan yang tuntutan klien atau pemiutang orang yang relevan boleh diliputi oleh aset orang yang relevan,

juruaudit hendaklah dengan serta-merta melaporkan perkara itu kepada—

- (e) dalam hal sesuatu syarikat anggota, bursa saham, Suruhanjaya dan Pendaftar; atau
- (f) dalam apa-apa hal lain, Suruhanjaya dan Pendaftar.

(2) Seseorang juruaudit tidak boleh, jika tiada niat jahat di pihaknya, bertanggung atas apa-apa tindakan bagi fitnah dalam guaman yang dibawa oleh mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa pernyataan yang dibuat—

- (a) dalam laporannya bawah subseksyen (1); atau
- (b) di bawah subseksyen (5) seksyen 48.

(3) Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa menghendaki seseorang juruaudit yang dilantik di bawah Penggal ini—

- (a) mengemukakan apa-apa maklumat tambahan berhubungan dengan pengauditannya sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya;
- (b) memperbesarkan atau memperluas skop pengauditannya tentang urusan dan hal-hwal orang yang relevan mengikut apa-apa cara atau ke takat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya;

- (c) menjalankan apa-apa pemeriksaan spesifik atau menetapkan apa-apa prosedur dalam mana-mana hal yang tertentu; atau
- (d) mengemukakan suatu laporan mengenai mana-mana perkara yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c),

dan Suruhanjaya boleh menetapkan masa yang dalam tempoh itu apa-apa kehendak yang disebut terdahulu hendaklah dipatuhi oleh juruaudit dan boleh menetapkan saraan yang hendaklah dibayar oleh orang yang relevan itu kepada juruaudit berkenaan.

(4) Juruaudit itu hendaklah mematuhi apa-apa kehendak Suruhanjaya di bawah subseksyen (3) dan orang yang relevan itu hendaklah memberi juruaudit itu saraan berkenaan dengan penunaian olehnya segala atau mana-mana kewajipan tambahan itu."

Pindaan  
seksyen 51.

**51.** Seksyen 51 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

"Kewajipan orang yang relevan atau pengarah atau pegawainya untuk memberikan maklumat."; dan

- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Seseorang orang yang relevan dan mana-mana pengarah atau pegawai orang yang relevan itu hendaklah—

- (a) memberi juruaudit yang dilantik di bawah mana-mana peruntukan Penggal ini—

- (i) segala maklumat dalam pengetahuannya atau yang

boleh diperolehinya; atau dia berkebolehan mendapatnya; atau

(ii) apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh juruaudit untuk membolehkannya menjalankan kewajipannya; dan

(b) memastikan bahawa segala maklumat yang diberikan kepada juruaudit, termasuk maklumat yang diberikan di bawah perenggan (a), bukannya palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir yang material."

**52. Seksyen 52 Akta ibu adalah dipinda—**

Pindaan  
seksyen 52.

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Jika—

(a) seseorang orang yang relevan tidak mengemukakan laporan audit sebagai mematuhi subseksyen (1) seksyen 49; atau

(b) Suruhanjaya telah menerima laporan di bawah seksyen 49 atau 50,

Suruhanjaya boleh, jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa adalah demi kepentingan orang yang relevan berkenaan atau klien orang yang relevan untuk berbuat sedemikian, melantik secara bertulis seseorang juruaudit bebas atau mana-mana orang atau kumpulan orang lain sebagaimana yang diputuskan oleh Suruhanjaya, untuk memeriksa, mengaudit dan melaporkan, sama ada pada amnya atau berhubungan dengan apa-apa perkara yang tertentu, tentang buku, akaun dan rekod dan sekuriti yang dipegang oleh orang yang relevan itu.";

- (b) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "peniaga itu atau pihak berkuasa yang relevan" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "orang yang relevan"; dan
- (c) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan "peniaga atau pihak berkuasa yang relevan" dengan perkataan "orang yang relevan".

- Pindaan seksyen 53. **53.** Seksyen 53 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (1), (2) dan perenggan (4)(b) dengan menggantikan perkataan "peniaga" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "orang yang relevan".
- Pindaan seksyen 55. **54.** Seksyen 55 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "peniaga" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "orang yang relevan".
- Pindaan seksyen 57. **55.** Seksyen 57 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "peniaga" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "orang yang relevan".
- Pindaan seksyen 58. **56.** Subseksyen 58(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "peniaga" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "orang yang relevan".
- Pindaan seksyen 59. **57.** Seksyen 59 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "anggota" dengan perkataan "syarikat anggota".
- Pindaan tajuk Bahagian VIII. **58.** Akta ibu adalah dipinda dalam Bahagian VIII dengan menggantikan tajuk "TABUNG KESETIAAN" dengan tajuk "TABUNG PAMPASAN".
- Penggantian seksyen 60, 61, 62, 63 dan 64. **59.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 60, 61, 62, 63 dan 64 dengan seksyen yang berikut;
- "Tafsiran. **60.** Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya atau hal perkaranya menghendaki makna yang lain—
- "tabung pampasan" atau "tabung" ertinya tabung pampasan yang ditubuhkan dan disenggarakan di bawah seksyen 61;

"bursa saham yang relevan" berhubungan dengan tabung pampasan ertinya bursa saham yang menubuhkan tabung pampasan di bawah seksyen 61.

Penubuhan tabung pampasan.

61. (1) Sesuatu bursa saham hendaklah menubuh dan menyenggarakan suatu tabung pampasan yang hendaklah ditadbirkan di bawah Bahagian ini.

(2) Aset tabung pampasan hendaklah menjadi harta bursa saham yang relevan tetapi bursa saham yang relevan itu hendaklah menyimpan aset itu berasingan daripada segala hartanya yang lain dan hendaklah memegang aset itu sebagai amanah bagi maksud yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Wang yang menjadi tabung pampasan.

62. Tabung pampasan sesuatu bursa saham yang relevan hendaklah terdiri daripada:

- (a) apa-apa wang yang dibayar ke dalam kredit tabung pampasan oleh bursa saham yang relevan semasa penubuhan tabung pampasan itu;
- (b) semua wang yang dibayar kepada bursa saham yang relevan oleh syarikat anggota di bawah Bahagian ini;
- (c) bunga dan keuntungan yang dari semasa ke semasa terakru daripada pelaburan tabung pampasan;
- (d) wang yang dibayar kepada tabung pampasan oleh bursa saham yang relevan di bawah subseksyen (1) seksyen 66;
- (e) wang yang didapatkan oleh atau bagi pihak bursa saham yang relevan dalam menjalankan suatu hak tindakan diberikan oleh Bahagian ini;

- (f) wang yang dibayar oleh seseorang penanggung insurans di bawah sesuatu kontrak insurans atau tanggung rugi yang dibuat oleh bursa saham yang relevan di bawah seksyen 82;
- (g) semua wang lain yang dibayar dengan sah ke dalam tabung pampasan.

Tabung hendaklah di simpan dalam akaun berasingan.

63. (1) Semua wang yang menjadi sebahagian daripada tabung pampasan sesuatu bursa saham yang relevan hendaklah, sementara menunggu penggunaannya mengikut Bahagian ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dibayar atau dipindahkan ke dalam suatu akaun amanah berasingan oleh bursa saham yang relevan itu.

(2) Sesuatu akaun amanah yang disebut dalam subseksyen (1) boleh dibuka dengan satu institusi berlesen atau lebih.

Pembayaran dari tabung pampasan.

64. Tertakluk kepada Bahagian ini, maka hendaklah dibayar daripada tabung pampasan sesuatu bursa saham yang relevan mengikut apa-apa susunan sebagaimana yang difikirkan patut oleh syarikat bursa yang relevan—

- (a) amaun segala tuntutan, termasuk kos, yang dibenarkan oleh bursa saham yang relevan atau dibuktikan terhadap tabung pampasan di bawah Bahagian ini;
- (b) semua perbelanjaan undang-undang dan perbelanjaan lain yang dilakukan dalam menyiasat atau membela tuntutan yang dibuat di bawah Bahagian ini atau dilakukan berhubungan dengan tabung pampasan atau dalam pelaksanaan, oleh bursa saham yang relevan, hak, kuasa dan kewangan yang diberikan oleh Bahagian ini berhubungan dengan tabung pampasan itu;

- (c) segala premium yang kena dibayar berkenaan dengan kontrak insurans atau tanggung rugi yang dibuat oleh bursa saham yang relevan itu di bawah seksyen 82;
- (d) semua perbelanjaan yang dilakukan dalam pentadbiran tabung pampasan, termasuk saraan dan elaun bagi mana-mana orang yang diambil kerja oleh bursa saham relevan itu yang berhubungan dengannya; dan
- (e) semua wang lain yang kena dibayar daripada tabung pampasan menurut peruntukan Akta ini."

**60.** Seksyen 65 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 65.

- (a) dalam nota birai dengan memasukkan perkataan "pampasan" selepas perkataan "tabung";
- (b) dalam subseksyen (1)—
  - (i) dengan memasukkan selepas perkataan "bursa saham" perkataan "yang relevan"; dan
  - (ii) dengan menggantikan perkataan "kesetiaannya" dengan perkataan "pampasan".

**61.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 66, 67, 68 dan 69 dengan seksyen yang berikut:

Penggantian  
seksyen 66,  
67, 68 dan

"Bursa saham yang relevan dikehendaki membayar sebahagian daripada pendapatan bersih ke dalam tabung pampasan.

66. (1) Suruhanjaya boleh, setelah berunding dengan sesuatu bursa saham yang relevan dan dengan kelulusan daripada Menteri, menghendaki bursa saham yang relevan membayar sebahagian daripada pendapatan bersihnya bagi mana-mana tahun kewangan yang tertentu ke dalam tabung pampasan.

(2) Jika Suruhanjaya menghendaki sesuatu bursa saham yang relevan membuat suatu pembayaran bawah subseksyen (1), ia hendaklah memberikan notis secara bertulis kepada bursa saham yang relevan itu dan bursa saham yang relevan itu hendaklah mematuhi kehendak itu pada atau sebelum tarikh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

Caruman  
kepada  
tabung  
pampasan

67. (1) Sesuatu syarikat anggota tabung pampasan hendaklah, apabila dilesenkan di bawah Akta ini, membayar kepada bursa saham yang relevan sebanyak tiga puluh ribu ringgit sebagai caruman kepada tabung pampasan dan hendaklah selepas itu pada atau sebelum tiga puluh satu haribulan Disember membayar kepada bursa saham yang relevan sebanyak sepuluh ribu ringgit sebagai caruman kepada tabung pampasan.

(2) Segala caruman yang dibuat di bawah seksyen ini tidak boleh dibayar balik.

(3) Walau apa pun apa-apa dalam seksyen ini, bursa saham yang relevan boleh, dari semasa ke semasa dengan kelulusan Suruhanjaya, mengubah amaun dan cara caruman dibayar oleh Syarikat anggota kepada tabung pampasan.

Peruntukan  
jika tabung  
pampasan  
melebihi  
lima puluh  
juta ringgit.

68. (1) Jika amaun kredit dalam tabung pampasan melebihi lima puluh juta ringgit, atau apa-apa jumlah yang lebih besar sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya setelah berunding dengan bursa saham yang relevan, tiap-tiap syarikat anggota bursa saham yang relevan itu yang telah membuat lima puluh caruman tahunan, atau apa-apa bilangan yang lebih besar sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya setelah berbincang dengan bursa saham yang relevan, kepada tabung pampasan, dan yang berkenaan dengannya tiada pembayaran daripada tabung pampasan telah dibuat atau,

jika apa-apa pembayaran telah dibuat, tabung pampasan itu telah dibayar ganti sepenuhnya, hendaklah dibebaskan dan dilepaskan daripada caruman tahunan selanjutnya kepada tabung pampasan.

(2) Jika sesuatu tabung pampasan, atas apa-apa sebab, berada di bawah jumlah sepuluh juta ringgit, atau apa-apa jumlah lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya setelah berunding dengan bursa saham yang relevan, bursa saham yang relevan boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya, menghendaki sesuatu syarikat anggota bursa saham yang relevan yang telah dibebaskan dan dilepaskan daripada kehendak membuat caruman tahunan di bawah subseksyen (1), setakat yang difikirkannya perlu, untuk membayar caruman tahunan di bawah seksyen 67.

Levi  
sebagai  
tambahan  
kepada  
caruman  
tahunan.

69. (1) Jika pada bila-bila masa tabung pampasan tidak cukup untuk menjelaskan liabiliti bursa saham yang relevan yang pada masa itu ditentukan berhubungannya, bursa saham yang relevan itu boleh mengenakan ke atas tiap-tiap syarikat anggota yang kena mencarum kepada tabung pampasan itu suatu levi sebanyak sesuatu amaun yang ditentukan oleh Menteri sebagai berpatutan, sebagai pampasan yang munasabah terhadap liabiliti itu, untuk dibayar kepada tabung pampasan itu.

(2) Amaun levi itu hendaklah dibayar dalam masa dan mengikut cara yang dinyatakan oleh bursa saham yang relevan sama ada pada amnya atau berhubungannya dengan mana-mana hal tertentu."

**62.** Seksyen 70 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam nota birai dengan memasukkan selepas perkataan "tabung" perkataan "pampasan"; dan

Pindaan  
seksyen 70

- (b) dengan menggantikan perkataan "kesetiaan" dan "kesetiaannya" dengan perkataan "pampasan"

Penggantian  
seksyen 71  
dan 72.

**63.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 71 dan 72 dengan seksyen yang berikut:

"Pelaburan  
wang  
tabung  
pampasan..

71. Sesuatu bursa saham yang relevan boleh melabur wang yang menjadi sebahagian daripada tabung pampasannya dan bagi tidak diperlukan dengan segera bagi apa-apa maksud lain di bawah Bahagian ini—

- (a) sebagai simpanan tetap dengan sesuatu institusi berlesen; atau
- (b) dalam sekuriti-sekuriti yang dalamnya pemegang-pemegang amanah dibenarkan oleh undang-undang melabur wang amanah.

Penggunaan  
tabung  
pampasan.

72. (1) Tertakluk kepada Bahagian ini, jika seseorang ("orang yang menanggung kerugian") menanggung kerugian wang pada suatu masa yang tertentu disebabkan—

- (a) penggelapan, atau disebabkan salah guna wang atau harta lain secara fraud, oleh seorang pengarah, pegawai, pekerja atau wakil peniaga berlesen yang pada masa itu ialah suatu syarikat anggota;
- (b) ketaksolvenan sesuatu syarikat anggota,

dan kerugian yang ditanggung berkenaan dengan wang atau harta lain yang, berkaitan dengan perniagaan sekuriti syarikat anggota, diamanahkan kepada atau diterima oleh syarikat anggota itu, atau oleh seorang pengarah, pegawai, pekerja atau wakil syarikat anggota (sama ada sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya seksyen ini)—

- (c) bagi atau bagi pihak orang yang menanggung kerugian atau orang lain; atau

- (d) sebab syarikat anggota itu ialah pemegang amanah wang itu atau harta lain itu,

tabung pampasan bursa saham yang relevan hendaklah digunakan bagi maksud memampasi orang yang menanggung kerugian.

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), Menteri boleh atas syor Suruhanjaya, setelah berunding dengan bursa saham yang relevan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* menetapkan apa-apa hal keadaan lain bagi penggunaan tabung pampasan.

(3) Amaun atau jumlah amaun yang dibayar daripada tabung pampasan sesuatu bursa saham yang relevan di bawah Bahagian ini bagi maksud—

- (a) memampasi kerugian wang yang ditanggung oleh seseorang yang disebut dalam subseksyen (1) atau (2), mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (b) memampasi kerugian wang yang ditanggung oleh mana-mana orang berkenaan dengan sesuatu syarikat anggota yang tertentu.

tidaklah boleh melebihi amaun yang dinyatakan atau dihitung mengikut Bahagian ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(4) Suatu sebutan dalam seksyen ini mengenai penggelapan, atau salah guna wang atau harta lain secara fraud, ialah sebutan mengenai penggelapan atau mengenai salah guna secara fraud sedemikian, di mana-mana dan bila-bila berlaku.

(5) Bagi maksud subseksyen (1) seseorang anggota hendaklah disifatkan tak solven—

(a) apabila syarikat anggota itu digulung; atau

(b) jika bursa saham yang relevan menentukan, mengikut kaedah-kaedahnya bahawa syarikat anggota didapati tidak boleh, atau berkemungkinan tidak boleh, menunaikan obligasinya berkenaan berhubungan dengan segala perdagangan yang dibuat di bursa saham yang relevan yang kepadanya syarikat anggota itu ialah suatu pihak.

(6) Jika, dalam hal yang tertentu, setelah diambilkira segala liabiliti yang ditentukan dan kontinjen sesuatu tabung pampasan, bursa saham yang relevan berpendapat bahawa aset tabung pampasan membenarkan, bursa saham yang relevan itu boleh menggunakan daripada tabung pampasan itu apa-apa jumlah melebihi jumlah amaun yang dihadkan oleh atau di bawah Bahagian ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh bursa saham yang relevan itu mengikut budi bicaranya yang mutlak dalam memampasi atau bagi pampasan orang yang telah menanggung kerugian wang seperti yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) atau (2), mengikut mana yang berkenaan.

(7) Bagi maksud seksyen ini, "pengarah" termasuklah seseorang yang pernah menjadi, tetapi pada masa penggelapan atau salah guna wang atau harta secara fraud yang dipersoalkan telah berhenti menjadi, seorang pengarah suatu syarikat anggota jika, pada masa penggelapan atau salah guna wang atau harta secara fraud orang yang menuntut pampasan mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu ialah seorang pengarah suatu syarikat anggota."

**64.** Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 73, 75, 76 dan 77.

Pemotongan seksyen 73, 75, 76 dan 77.

**65.** Seksyen 78 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 78.

- (a) dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "jawatankuasa" dengan perkataan "bursa saham yang relevan";
- (b) dengan menggantikan perkataan "jawatankuasa" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "bursa saham yang relevan";
- (c) dengan memasukkan selepas perkataan "berkenaan dengan sesuatu penggelapan" perkataan "atau salah guna wang atau harta secara fraud".

**66.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 79 dan 80 dengan seksyen yang berikut:

Penggantian seksyen 79 dan 80.

"Pensubrogasian bursa saham yang relevan mengenai hak dan remedi pihak menuntut apabila pembayaran dibuat daripada tabung pampasan.

**79.** Jika sesuatu bursa saham yang relevan membuat sesuatu pembayaran daripada tabung pampasan berkenaan dengan sesuatu tuntutan pampasan di bawah Bahagian ini,—

- (a) bursa saham yang relevan itu hendaklah disubrogasi setakat pembayaran itu mengenai semua hak dan remedi pihak menuntut itu berkenaan dengan kerugian yang ditanggung oleh pihak menuntut; dan
- (b) pihak menuntut itu tidaklah boleh membuat apa-apa tuntutan atau mempunyai hak di bawah apa-apa prosiding kebangkrapan atau undang-undang atau selainnya—

- (i) untuk menerima berkenaan dengan kerugian itu apa-apa jumlah daripada aset syarikat anggota berkenaan; atau

RANG UNDANG-UNDANG

- (ii) jika kerugian itu disebabkan oleh sesuatu tindakan atau peninggalan seorang pengarah, pegawai, wakil atau pekerja sesuatu syarikat anggota, untuk menerima berkenaan dengan kerugian apa-apa jumlah wang,

sehingga bursa saham yang relevan itu telah dibayar ganti amaun sepenuhnya pembayaran yang dibuat olehnya daripada tabung pampasan itu, termasuk apa-apa bunga yang dibayar.

Pembayaran tuntutan hanya dari tabung pampasan. 80. Tiada wang atau harta lain kepunyaan sesuatu bursa saham yang tabung relevan, selain daripada tabung pampasannya, boleh digunakan untuk membayar apa-apa tuntutan bawah Bahagian ini."

Pemotongan seksyen 81. 67. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 81.

Penggantian seksyen 82 dan 83. 68. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 82 dan 83 dengan seksyen yang berikut:

"Kuasa bursa saham yang relevan membuat kontrak insurans. 82. (1) Sesuatu bursa saham yang relevan boleh membuat suatu kontrak dengan sesuatu perniagaan insurans berdaftar di Malaysia yang di bawahnya bursa saham yang relevan itu akan diinsuranskan atau ditanggung rugi setakat dan mengikut cara yang diperuntukkan oleh kontrak itu terhadap liabiliti berkenaan dengan tuntutan di bawah Bahagian ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Sesuatu kontrak di bawah subseksyen (1) boleh dibuat berhubungan dengan syarikat anggota pada amnya, atau berhubungan dengan sesuatu syarikat anggota tertentu yang dinamakan dalam kontrak itu, atau berhubungan dengan

syarikat anggota pada amnya dengan mengecualikan syarikat anggota tertentu yang dinamakan dalam kontrak itu.

(3) Sesuatu tindakan tidak boleh diambil terhadap sesuatu bursa saham yang relevan atau terhadap mana-mana anggota atau pekerja, atau terhadap mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa kecil bursa saham yang relevan, mengikut mana-mana yang berkenaan, disebabkan kecederaan yang dikatakan ditanggung oleh suatu syarikat anggota bursa saham yang relevan oleh sebab sesuatu pernyataan yang disiarkan dengan suci hati yang menyatakan bahawa sesuatu kontrak yang dibuat di bawah seksyen ini terpakai atau tidak terpakai berkenaan dengan syarikat anggota itu.

Penggunaan wang insurans.

83. Seseorang pihak yang menuntut terhadap suatu tabung pampasan sesuatu bursa saham yang relevan tidak mempunyai—

- (a) suatu hak tindakan terhadap seseorang yang dengannya sesuatu kontrak insurans atau tanggung rugi dibuat di bawah Bahagian ini berhubungan sesuatu kontrak sedemikian; atau
- (b) suatu hak atau tuntutan berkenaan dengan wang yang dibayar oleh penanggung insurans mengikut sesuatu kontrak sedemikian."

**69.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 82 seksyen yang berikut:

Seksyen baru 83A dan 83B.

"Wang dalam tabung pampasan jika bursa saham yang relevan digulung. Akta 125

83A. Sekiranya sesuatu bursa saham yang relevan sedang digulung di bawah Akta Syarikat 1965, bursa saham yang relevan itu hendaklah, selepas menjelaskan segala liabiliti yang belum dijelaskan daripada tabung pampasannya, menjadikan tersedia untuk pelikuidasi bursa saham yang relevan itu baki amaun yang ada dalam tabung pampasan yang hendaklah menjadi

sebahagian daripada aset bursa saham yang relevan itu dan tersedia untuk pelikuidasi untuk dibahagikan mengikut Akta Syarikat 1965.

Peraturan-peraturan berkenaan tabung pampasan.

83B. (1) Menteri boleh melalui peraturan-peraturan menetapkan—

(a) berkenaan dengan suatu tabling pampasan sesuatu bursa saham yang relevan—

- (i) kuasa Suruhanjaya itu berhubungan dengan tabung pampasan itu;
- (ii) kuasa, obligasi dan liabiliti bursa saham yang relevan berhubungan dengan tabung pampasan itu; dan
- (iii) cara yang mengikutnya tabung pampasan itu hendaklah ditadbirkan;

(b) cara yang mengikutnya bursa saham yang relevan itu hendaklah menggunakan tabung pampasannya; dan

(c) tanpa menjejaskan seksyen 72, berhubungan dengan tuntutan yang dibuat terhadap tabung pampasan sesuatu bursa saham yang relevan,—

- (i) orang yang layak membuat tuntutan;
- (ii) hal keadaan yang dalamnya tuntutan hendaklah dibenarkan;
- (iii) prosedur dan had berhubungan dengan tuntutan sedemikian; dan
- (iv) rayuan dan prosedur yang terpakai baginya.

(2) Maksud yang boleh ditetapkan di bawah perenggan (b) subseksyen (1) termasuklah pembayaran tuntutan berhubungan dengan apa-apa perniagaan sekuriti atau perniagaan sekuriti yang dicadangkan yang dibuat terhadap syarikat anggota."

**70.** Seksyen 94A Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan "Pendaftar" di mana-mana jua terdapat perkataan "Suruhanjaya atau". Pindaan seksyen 94A.

**71.** Seksyen 95 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 95.

(a) dalam perenggan (1) (a)—

(i) dalam subperenggan (iii)—

(A) dengan memasukkan selepas perkataan "peniaga" perkataan ", pengurus kumpulan wang"; dan

(B) dengan memasukkan selepas perkataan "wakil peniaga" perkataan ", wakil pengurus kumpulan wang"; dan

(ii) dalam subperenggan (x) dengan memasukkan selepas perkataan "peniaga" perkataan ", pengurus kumpulan wang"; dan

(b) dalam teks bahasa Inggeris dalam perenggan (8) (a) dengan menggantikan perkataan "breakopen" dengan perkataan "break open".

**72.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 95 seksyen yang berikut: Seksyen baru 95A.

"Kuasa untuk menetapkan bentuk dan cara maklumat, penyata atau dokumen dan tempoh bagi pengemukaan.

95A. (1) Jika di bawah mana-mana peruntukan Akta ini—

(a) mana-mana orang dikehendaki; atau

(b) kuasa diberikan kepada Suruhanjaya atau Pendaftar untuk menghendaki mana-mana orang,

mengemukakan kepada Suruhanjaya atau Pendaftar apa-apa maklumat, laporan atau dokumen, Suruhanjaya atau Pendaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh menentukan supaya maklumat, penyata atau dokumen sedemikian hendaklah dikemukakan mengikut

apa-apa bentuk atau cara dan dalam apa-apa tempoh atau apa-apa lat tempoh sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya atau Pendaftar.

(2) Maklumat, penyata atau dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) boleh dikemukakan—

- (a) secara bertulis;
- (b) dengan cara rakaman visual (sama ada imej pegun atau bergerak);
- (c) dengan cara rakaman bunyi;
- (d) dengan cara apa-apa rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau apa jua rakaman lain,

atas apa-apa bahan, material, benda atau barang.".

Pindaan  
seksyen 96.

**73.** Subseksyen 96(3) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "merintang" perkataan "Suruhanjaya atau".

Pindaan  
seksyen 98.

**74.** Seksyen 98 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan sebelum perkataan "Pendaftar" di mana-mana jua terdapat perkataan "Suruhanjaya atau";
- (b) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "kepadanya" dengan perkataan "kepada Suruhanjaya atau Pendaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan";
- (c) dalam subseksyen (2) dengan menggantikan perkataan "kepadanya" perkataan "kepada Suruhanjaya atau Pendaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan,"; dan
- (d) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan "kepadanya" dengan perkataan "kepada Suruhanjaya atau Pendaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan".

- 75.** Seksyen 99 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 99.
- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "Jika" perkataan "Suruhanjaya atau";
  - (b) dengan menggantikan perkataan "dia boleh" dengan perkataan "Suruhanjaya atau Pendaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh"; dan
  - (c) dengan menggantikan perkataan "difikirkannya" dengan perkataan "difikirkan oleh Suruhanjaya atau Pendaftar".
- 76.** Seksyen 100 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 100.
- (a) dalam subseksyen (1)—
    - (i) dalam perenggan (a)—
      - (A) dengan memasukkan sebelum perkataan "Pendaftar" perkataan "Suruhanjaya atau"; dan
      - (B) dalam teks bahasa Inggeris dengan memasukkan selepas perkataan "contravention" perkataan ", or has engaged in, is engaging in, or is proposing to engage in, any conduct that constitutes or would constitute a contravention of this Act";
    - (ii) dalam perenggan (c)—
      - (A) dengan memasukkan selepas perkataan "bertindak sebagai" perkataan "pengurus kumpulan wang atau";
      - (B) dengan memasukkan selepas perkataan "wakil peniaga" perkataan ", wakil pengurus kumpulan wang"; dan
      - (C) dalam teks bahasa Inggeris dengan memasukkan sebelum perkataan "investment representative" perkataan "an"; dan

- (iii) dalam perenggan (*e*) dengan memasukkan selepas perkataan "peniaga" di mana-mana jua terdapat perkataan "atau pengurus kumpulan wang"; dan
- (iv) dengan memasukkan selepas perenggan (*f*) perenggan yang berikut:
  - "(*fa*) jika seseorang telah menolak atau gagal, sedang enggan atau gagal, atau bercadang untuk menolak atau menggagalkan, melakukan apa-apa perbuatan atau benda yang dia dikehendaki melakukan di bawah Akta ini, suatu perintah yang menghendaki orang itu membuat perbuatan atau benda sedemikian;"
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:
  - " (2A) Jika suatu permohonan dibuat kepada Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah di bawah perenggan (*fa*) subseksyen (1), Mahkamah Tinggi boleh memberikan perintah itu—
    - (a) jika Mahkamah Tinggi berpuas hati bahawa orang itu telah menolak atau gagal untuk melakukan perbuatan atau benda yang dikehendaki itu, sama ada atau tidak Mahkamah Tinggi mendapati bahawa orang itu berniat untuk menolak atau menggagalkan lagi, atau terus menolak atau menggagalkan, untuk melakukan perbuatan atau benda yang dikehendaki itu; atau
    - (b) jika Mahkamah Tinggi mendapati bahawa sekiranya perintah sedemikian tidak diberikan, maka adalah berkemungkinan bahawa orang itu akan menolak atau gagal melakukan perbuatan atau benda yang dikehendaki itu, sama ada atau tidak orang itu telah sebelum ini menolak atau gagal

melakukan perbuatan atau benda itu dan sama ada atau tidak terdapat risiko kerosakan yang ketara kepada mana-mana orang jika orang yang dikehendaki melakukan perbuatan atau benda itu menolak atau gagal berbuat demikian.

(2B) Jika suatu permohonan bagi perintah di bawah perenggan (*fa*) subseksyen (1) dibuat oleh Suruhanjaya atau Pendaftar atau oleh mana-mana orang yang diberikuasa sewajarnya oleh Suruhanjaya atau Pendaftar, Mahkamah Tinggi tidaklah boleh, sebagai syarat kepada pemberian perintah itu, menghendaki apa-apa akujanji tentang kerosakan untuk diberi oleh atau bagi pihak Suruhanjaya atau Pendaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan,";

(c) dalam subseksyen (3)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "peniaga" perkataan "atau pengurus kumpulan wang"; dan
- (ii) dalam perenggan (*a*) dengan memasukkan selepas perkataan "peniaga" perkataan "atau pengurus kumpulan wang, mengikut mana-mana yang berkenaan"; dan

(d) dalam subseksyen (4)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "berhubungan dengan seorang peniaga" perkataan "atau seorang pengurus kumpulan wang";
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "oleh peniaga" perkataan "atau pengurus kumpulan wang"; dan
- (iii) dengan menggantikan perkataan "urusan berniaga sekuriti yang dijalankan oleh peniaga itu" dengan perkataan "urusan peniaga atau pengurus kumpulan wang itu".

Penggantian  
seksyen 120.

**77.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 120 dengan seksyen yang berikut:

"Larangan mengenai penggunaan gelaran tertentu.

120. (1) Seseorang yang bukan seorang broker saham, anggota sesuatu bursa saham atau suatu syarikat anggota tidak boleh mengambil atau menggunakan atau secara inferens menerima pakai nama, gelaran atau perihalan "broker saham", "anggota sesuatu bursa saham" atau "syarikat anggota", atau mengambil atau menggunakan atau melekatkan atau memamerkan di mana-mana tempat apa-apa nama, gelaran atau perihalan yang menyerupai atau diniatkan untuk mewujudkan kepercayaan bahawa orang itu ialah seorang broker saham, anggota bursa saham atau syarikat anggota.

(2) Melainkan jika Suruhanjaya membenarkan, seseorang selainnya yang bukan suatu bursa saham tidak boleh mengambil atau menggunakan atau secara inferens menerima pakai nama, gelaran atau perihalan "bursa saham", "pasaran saham" atau "pasaran perdagangan sekuriti", atau mengambil atau menggunakan atau melekatkan atau memamerkan di mana-mana tempat apa-apa nama, gelaran atau perihalan yang menyerupai atau diniatkan untuk mewujudkan kepercayaan bahawa orang itu ialah suatu bursa saham.

(3) Seseorang yang bukan pemegang lesen peniaga tidak boleh mengambil atau menggunakan atau secara inferens menerima pakai nama, gelaran atau perihalan "peniaga", atau menggunakan atau melekatkan atau memamerkan di mana-mana tempat apa-apa nama, gelaran atau perihalan yang menyerupai atau diniatkan untuk mewujudkan kepercayaan bahawa orang itu ialah seorang peniaga.

(4) Seseorang yang bukan pemegang lesen pengurus kumpulan wang tidak boleh mengambil atau menggunakan atau secara inferens menerima pakai nama, gelaran atau perihalan "pengurus kumpulan wang", atau mengambil atau menggunakan atau melekatkan atau mempamerkan di mana-mana tempat apa-apa nama, gelaran atau perihalan yang menyerupai atau diniatkan untuk mewujudkan kepercayaan bahawa orang itu ialah seorang pengurus kumpulan wang.

(5) Seseorang yang bukan pemegang lesen penasihat pelaburan tidak boleh mengambil atau menggunakan atau secara inferens menerima pakai nama, gelaran atau perihalan "penasihat pelaburan", atau mengambil atau menggunakan atau melekatkan atau mempamerkan di mana-mana tempat apa-apa nama, gelaran atau perihalan yang menyerupai atau diniatkan untuk mewujudkan kepercayaan bahawa orang itu ialah seorang penasihat pelaburan.

(6) Seseorang yang bukan pemegang lesen wakil peniaga, lesen wakil pengurus kumpulan wang atau lesen wakil pelaburan tidak boleh mengambil atau menggunakan atau secara inferens menerima pakai nama, gelaran atau perihalan "wakil peniaga", "wakil pengurus kumpulan wang" atau "wakil pelaburan", mengikut mana-mana yang berkenaan, atau mengambil atau menggunakan atau melekatkan atau mempamerkan di mana-mana tempat apa-apa nama, gelaran atau perihalan yang menyerupai atau diniatkan untuk mewujudkan kepercayaan bahawa orang itu ialah wakil peniaga, wakil pengurus kumpulan wang atau wakil pelaburan, mengikut mana-mana yang berkenaan."

Pindaan  
seksyen 121.

**78.** Seksyen 121 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam nota birai dengan memasukkan selepas perkataan "peniaga" perkataan "atau pengurus kumpulan wang";
- (b) dalam teks bahasa Inggeris dengan memasukkan selepas perkataan "accounting" di mana-mana jua terdapat perkataan "records";
- (c) dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan "peniaga" perkataan "atau pengurus kumpulan wang";
- (d) dalam teks bahasa Inggeris dalam subseksyen (2)—
  - (i) dengan memasukkan selepas perkataan "a dealer" perkataan "or a fund manager"; dan
  - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "the dealer" di mana-mana jua terdapat perkataan "or the fund manager";
- (e) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan "peniaga atau mana-mana pekerja peniaga itu" dengan perkataan "peniaga, pengurus kumpulan wang atau mana-mana pekerja, pegawai atau wakil peniaga atau pengurus kumpulan wang"; dan
- (f) dalam subseksyen (4) dengan memasukkan selepas perkataan "peniaga" perkataan "atau pengurus kumpulan wang".

Seksyen  
baru 121A.

**79.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 121 seksyen yang berikut:

"Keputusan Menteri adalah muktamad. 121A. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, mana-mana keputusan Menteri yang dibuat di bawah Akta ini, sama ada suatu keputusan asal olehnya atau satu keputusan atas rayuan kepadanya daripada sesuatu keputusan Suruhanjaya adalah muktamad."

**80.** Seksyen 122 Akta ibu adalah dipinda—Pindaan  
seksyen 122.

(a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "pegawai eksekutif atau setiausaha" dengan perkataan "ketua pegawai eksekutif, pegawai atau wakil";

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

" (2) Jika mana-mana orang dikenakan di bawah Akta ini apa-apa hukuman atas apa-apa tindakan, peninggalan, kecuaiian atau keingkaran, dia boleh dikenakan hukuman yang sama bagi tiap-tiap tindakan, peninggalan, kecuaiian atau keingkaran itu yang dilakukan oleh mana-mana pekerja dengan syarat bahawa tindakan, peninggalan, kecuaiian atau keingkaran itu dilakukan oleh pekerja itu dalam menjalankan tugasnya."; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

" (3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (2), jika mana-mana wakil peniaga, wakil pengurus kumpulan wang atau wakil pelaburan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan yang baginya wakil itu bertindak bagi atau bagi pihaknya hendaklah disifatkan telah melanggar peruntukan itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini "pegawai", berhubungan dengan seseorang pengarah suatu perbadanan, termasuklah—

(a) seseorang yang menjawat atau memangku jawatan pengarah perbadanan itu, dengan apa jua nama yang disebut, dan sama ada atau tidak

dilantik secara sah untuk menjawat atau diberikuasa sewajarnya untuk memangku jawatan itu;

- (b) seseorang yang menurut arahan atau petunjuknya pengarah perbadanan itu lazimnya bertindak; dan
- (c) jika perbadanan itu diperbadankan di luar Malaysia—
  - (i) anggota lembaga perbadanan itu;
  - (ii) seseorang yang menjawat atau memangku jawatan pengarah lembaga perbadanan itu, dengan apa jua nama disebut, dan sama ada atau tidak dilantik secara sah untuk menjawat atau diberikuasa sewajarnya untuk memangku jawatan itu; dan
  - (iii) seseorang yang menurut arahan atau petunjuknya anggota lembaga perbadanan lazimnya bertindak."

Seksyen baru  
122A, 122B  
dan 122C.

**81.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 122 seksyen yang berikut:

"Pemalsuan rekod oleh pengarah, pekerja dan ejen.

122A. Seseorang pengarah, pengurus, pegawai, pemegang amanah, juruaudit, pekerja atau ejen sesuatu bursa saham, pusat penjelasan diiktirafkan, peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan yang—

- (a) dengan sengaja membuat, atau menyebabkan dibuat, sesuatu catatan palsu dalam mana-mana buku atau rekod atau mana-mana laporan, slip, dokumen atau pernyataan urusan, hal ehwal transaksi, syarat, aset atau akaun bursa saham pusat penjelasan diiktirafkan, peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan;

- (b) dengan sengaja meninggalkan daripada membuat sesuatu catatan dalam mana-mana buku atau rekod atau dalam mana-mana laporan, slip, dokumen atau pernyataan urusan, hal ehwal transaksi, syarat, aset atau akaun bursa saham, pusat penjelasan diiktirafkan, peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan, atau dengan sengaja menyebabkan ditinggalkan apa-apa catatan sedemikian; atau
- (c) dengan sengaja mengubah, mencabut, menyembunyikan atau memusnahkan suatu catatan dalam mana-mana buku atau rekod atau dalam mana-mana laporan, slip, dokumen atau pernyataan mengenai urusan, hal ehwal transaksi, syarat, aset atau akaun bursa saham, pusat penjelasan diiktirafkan, peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan, atau dengan sengaja menyebabkan supaya mana-mana catatan sedemikian diubah, dicabut, disembunyikan atau dimusnahkan,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak lebih daripada tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Laporan palsu kepada Suruhanjaya, bursa saham atau pusat penjelasan diiktirafkan.

122B. Seseorang yang dengan niat untuk memperdaya, membuat atau memberi, atau sedar dan sengaja memberikuasa atau membenarkan dibuat atau diberi, apa-apa pernyataan palsu atau mengelirukan kepada Suruhanjaya, suatu bursa saham atau suatu pusat penjelasan diiktirafkan berhubung dengan—

- (a) berniaga dalam sekuriti;
- (b) hal ehwal suatu syarikat disenaraikan;

- (c) apa-apa hal atau benda yang diperlukan oleh Suruhanjaya untuk pentadbiran teratur Akta ini; atau
- (d) penguatkuasaan kaedah-kaedah suatu bursa saham atau suatu pusat penjelasan diiktirafkan,

adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak lebih daripada tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Percubaan, persubahatan dan komplot.

122c. Seseorang yang—

- (a) cuba melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;
- (b) melakukan apa-apa tindakan bagi melanjutkan pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (c) bersubahat atau terlibat dalam satu pakatan jenayah untuk melakukan (sebagaimana terma-terma tersebut di takrifkan dalam Kanun Keseksaan) apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, sama ada atau tidak kesalahan dilakukan akibat daripadanya,

*N.M.B.  
Bab 45.*

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan penalti untuk kesalahan sedemikian."

Penggantian seksyen 123 dan 124.

**82.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 123 dan 124 dengan seksyen berikut:

"Penalti am.

123. (1) Seseorang yang melanggar atau gagal mematuhi suatu kehendak atau peruntukan Akta ini melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan, jika tiada penalti diperuntukkan secara nyata, apabila disabitkan boleh didenda tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya.

(2) Dalam hal suatu kesalahan berterusan pesalah, sebagai tambahan kepada penalti di bawah subseksyen (1), boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama mana kesalahan tersebut berterusan setelah disabitkan.

Meng-  
kompaun  
kesalahan.

124. (1) Pengerusi Suruhanjaya, boleh, dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Bahagian IV, V atau VII atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya, dengan menerima daripada orang yang secara munasabah telah melakukan kesalahan sedemikian satu jumlah wang yang tidak melebihi denda maksimum, (termasuk denda harian dalam hal kesalahan yang berterusan, jika ada) bagi kesalahan tersebut.

(2) Semasa menerima bayaran di bawah subseksyen (1), tiada prosiding lanjut boleh diambil terhadap orang itu berkenaan dengan kesalahan itu dan jika milikan apa-apa buku, rekod atau dokumen lain atau apa-apa benda lain, telah diambil, buku, rekod, dokumen atau benda itu boleh dilepaskan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan mengikut syarat-syarat pengkompaunan.

(3) Segala wang yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Persekutuan Disatukan."

**83.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 126A seksyen yang berikut:

Seksyen  
baru 126B.

"Prosiding pusat penjelasan diiktirafkan dalam hal peserta menjadi tak solven. 126B. (1) Bagi maksud seksyen ini—  
"Kaedah-kaedah keingkaran", berhubung dengan pusat penjelasan diiktirafkan, ertinya kaedah-kaedah yang dibuat di bawah subseksyen (2);

"kontrak pasaran" ertinya suatu kontrak—

- (a) yang dibuat oleh syarikat anggota di, atau yang selainnya tertakluk kepada kaedah-kaedah, bursa saham yang adalah, atau yang dijelaskan dan diselesaikan melalui suatu pusat penjelasan diiktirafkan; atau
- (b) tertakluk kepada kaedah-kaedah pusat penjelasan diiktirafkan, yang dibuat oleh pusat penjelasan diiktirafkan menurut suatu novasi bagi maksud, atau berkaitan dengan, peruntukan perkhidmatan penjelasan dan penyelesaian bagi transaksi yang dibuat di, atau tertakluk kepada kaedah-kaedah, suatu bursa saham.

(2) Suatu pusat penjelasan diiktirafkan hendaklah mengadakan kaedah-kaedah keingkaran yang akan membolehkannya mengambil tindakan dalam keadaan suatu peserta nampaknya seperti tak boleh, atau mungkin menjadi tak boleh untuk memenuhi obligasinya berkenaan dengan semua atau mana-mana kontrak pasaran yang belum diselesaikan yang mana peserta adalah satu pihak kepadanya.

(3) Semua kaedah keingkaran yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah diluluskan oleh Suruhanjaya menurut subseksyen (3) seksyen 9A.

(4) Jika seorang peserta suatu pusat penjelasan diiktirafkan digulung atau nampak seperti tak boleh memenuhi obligasinya berkenaan dengan semua kontrak pasaran yang belum diselesaikan yang mana peserta ialah satu pihak kepadanya, apa-apa prosiding keingkaran atau tindakan lain yang diambil oleh pusat penjelasan diiktirafkan di bawah kaedah-kaedah keingkaran hendaklah tidak dianggap sebagai tak sah atas alasan bahawa prosiding atau

tindakan sedemikian adalah tak konsisten dengan undang-undang berkaitan dengan pembahagian aset seseorang semasa ketaksolvenan, kebangkrutan atau penggugungan, atau semasa perantaraan penerima atas aset orang sedemikian.

*Akta 453.* (5) Tertakluk kepada subseksyen (6) dan (7), dalam keadaan suatu kemungkiran atau ketaksolvenan suatu peserta suatu pusat penjelasan diiktirafkan yang juga suatu ejen depositori diberikuasa, seorang ejen depositori diberikuasa atau seorang pendeposit (sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perindustrian Sekuriti (Depositari Pusat) 1991), apa-apa pemindahan sekuriti daripada akaun sekuriti peserta sedemikian yang dilaksanakan oleh atau melalui depositori pusat sehingga tarikh penggugungan atau petisyen kebangkrutan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah berkuatkuasa, walaupun, pemindahan sedemikian adalah tidak sah atas alasan bahawa ia tak konsisten dengan undang-undangnya berkaitan dengan pembahagian aset seseorang semasa ketaksolvenan, kebangkrutan atau penggugungan, atau semasa perantaraan penerima terhadap aset orang sedemikian. . .

(6) Subseksyen (5) hendaklah terpakai hanya berkaitan dengan pemindahan yang dilaksanakan oleh depositori pusat berbangkit disebabkan oleh, atau untuk memberi kesan kepada, penyelesaian kontrak pasaran tersebut.

(7) Subseksyen (5) tidak terpakai bagi mana-mana pemindahan berkaitan pasaran kontrak yang telah dibuktikan oleh pelikuidasi atau penerima sebagai telah dilaksanakan oleh peserta yang telah mungkin atau taksolven, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan tujuan untuk menipu pemberi pinjaman.

Penggantian  
seksyen 127.

**84.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 127 dengan seksyen yang berikut:

"Peraturan-  
peraturan. 127. (1) Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang—

- (a) diperlukan atau dibenarkan oleh Akta ini untuk ditetapkan melalui peraturan-peraturan;
- (b) perlu atau suaimanfaat untuk—
  - (i) memberi kesan penuh kepada peruntukan Akta ini;
  - (ii) menjalankan atau mencapai objek dan maksud Akta ini; atau
  - (iii) melaksanakan selanjutnya, dengan lebih baik atau dengan lebih senang peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan bolehlah dibuat—

- (a) untuk memperuntukkan bagi pelesenan peniaga, pengurus kumpulan wang, penasihat pelaburan dan wakilnya dan perkara yang bersampingan dengannya;
- (b) untuk menetapkan aktiviti, dan tahap yang perlu disenggarakan oleh, peniaga, pengurus kumpulan wang dan penasihat pelaburan termasuk cara, kaedah dan tempat mencari urusan dan tatalaku dalam pencarian itu;
- (c) untuk menetapkan tahap berkenaan dengan kelayakan, pengalaman dan latihan orang berlesen;
- (d) untuk mengawalselia tatalaku urusan di bursa saham;
- (e) untuk mengadakan kawalan kandungan dan pengedaran bahan bertulis, bercetak atau visual atau iklan yang diedarkan atau digunakan oleh seseorang berkenaan dengan sekuriti;

- (f) untuk menetapkan kehendak kewangan minimum berkenaan dengan urusan peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan;
- (g) untuk menetapkan borang dan kandungan nota kontrak;
- (h) untuk melarang penggunaan apa-apa alat dan helah menipulasi atau mengelirukan berkaitan dengan pembelian atau penjualan sekuriti;
- (i) untuk menetapkan butir-butir untuk direkodkan dalam, atau berkenaan dengan rekod perakaunan yang disimpan oleh peniaga, pengurus kumpulan wang dan penasihat pelaburan di bawah Akta ini;
- (j) untuk menetapkan butir-butir untuk direkodkan dalam akaun untung rugi dan kunci kira-kira dan maklumat yang hendaklah terkandung dalam laporan juruaudit yang dikehendaki dikemukakan di bawah Akta ini mengenai akaun tahunan peniaga dan pengurus kumpulan wang;
- (k) untuk mengawalselia pembelian atau penjualan sekuriti, secara langsung atau tak langsung, untuk akaun persendirian peniaga, pengurus kumpulan wang, penasihat pelaburan dan wakilnya dan wartawan kewangan;
- (l) untuk mengadakan peruntukan bagi penzahiran oleh peniaga, pengurus kumpulan wang, penasihat pelaburan, peniaga terkecuali atau pengurus kumpulan wang terkecuali mengenai apa-apa kepentingan material yang orang itu mungkin mempunyai dalam sesuatu transaksi yang dicadangkan berhubungan dengan dagangan dalam sekuriti;

- (m) untuk mengadakan kawalan bagi bentuk, kandungan dan penyiaran iklan—
  - (i) yang menawarkan perkhidmatan peniaga dan pengurus kumpulan wang; atau
  - (ii) yang menawarkan sekuriti untuk dibeli atau dijual;
- (n) untuk mengawalselia atau melarang penjualan sekuriti oleh mana-mana orang yang tidak mempunyai hak menyerahkan sekuriti kepada pembeli;
- (o) untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan penyenaian sekuriti di bursa saham, dan khususnya—
  - (i) untuk menghendaki kehendak itu dipenuhi sebelum sekuriti itu disenaraikan di bursa saham;
  - (ii) untuk mengadakan prosedur untuk menguruskan permohonan bagi penyenaian sekuriti di bursa saham;
  - (iii) untuk mengadakan peruntukan bagi pembatalan penyenaian mana-mana sekuriti yang dinyatakan di bursa saham jika kehendak Suruhanjaya bagi penyenaian, atau kehendak akujanji yang disebut di subperenggan (vi), tidak dipatuhi, atau jika Suruhanjaya menganggap tindakan sedemikian perlu demi menjaga pasaran yang teratur di Malaysia;
  - (iv) untuk mengadakan syarat yang tertakluk kepadanya, dan hal keadaan yang dalamnya, bursa saham hendaklah menggantung urusan dalam sekuriti;

- (v) untuk mengadakan prosedur untuk, dan cara untuk mengumpukkan, mana-mana sekuriti yang timbul daripada suatu tawaran jualan berkenaan dengan sekuriti itu; dan
  - (vi) untuk menghendaki sesuatu perbadanan yang sekuritinya disenaraikan atau diterima untuk penyenaian di bursa saham untuk memasuki pengunderaitan yang dikehendaki oleh kaedah-kaedah bursa saham, untuk membekalkan maklumat pada masa-masa yang boleh ditentukan, dan untuk menjalankan tugas itu berhubungan dengan sekuriti sebagaimana yang ditetapkan dalam pengunderitan;
- (p) untuk menyediakan bagi dibekalkan kepada Suruhanjaya—
- (i) apa-apa maklumat yang seseorang yang kepadanya seksyen 69C dan 69D Akta Syarikat 1965 terpakai atau mana-mana orang lain yang dikehendaki membekalkan;
  - (ii) apa-apa notis yang seseorang yang kepadanya seksyen 69E, 69F atau 69G Akta itu terpakai dikehendaki memberikan;
- (q) untuk menyediakan bagi kelulusan seseorang yang menyelenggarakan dalam Malaysia suatu daftar anggota suatu perbadanan yang sekuritinya disenaraikan di bursa saham dan keperluan yang orang itu perlu patuhi;

- (r) untuk menyediakan bagi pinjaman dalam urusan perniagaan biasa oleh peniaga sebagaimana yang Menteri menimbang sebagai perlu atau sesuai bagi kepentingan awam atau bagi perlindungan pelabur;
- (s) untuk mengadakan penyata atau maklumat atau selainya, dibekalkan oleh suatu bursa saham, pusat penjelasan diiktirafkan, orang berlesen, perbadanan yang sekuritinya disenaraikan di bursa saham atau pengarah atau pegawainya, kepada Suruhanjaya;
- (t) untuk menyediakan bagi pengendalian dan pentadbiran, atau apa jua hal lain berhubungan dengan tabung pampasan;
- (u) untuk menyediakan bagi semua hal berhubungan dengan memberi pinjaman dan pinjaman sekuriti dan orang yang terlibat dengan memberi pinjaman dan pinjaman itu;
- (v) untuk menghendaki sesuatu perbadanan yang mempunyai mana-mana sekuritinya disebut di pasaran bursa saham supaya mematuhi tahap perakaunan atau menzahirkan maklumat yang difikirkan perlu oleh Menteri;
- (w) untuk menetapkan apa-apa borang bagi maksud Akta ini; dan
- (x) untuk menetapkan fee yang perlu dibayar berkenaan dengan apa-apa hal atau benda yang dikehendaki bagi maksud Akta ini.

(3) Tiada apa-apa dalam perenggan (o) kepada subseksyen (2) boleh menghalang bursa saham daripada membuat apa-apa kaedah-kaedah atau apa-apa hal yang disebut dalam subseksyen itu jika kaedah-kaedah itu telah diluluskan oleh Suruhanjaya, tetapi mana-mana kaedah itu

hendaklah hanya berkuatkuasa setakat yang tidak tak konsisten dengan peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(4) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh memperuntukkan bahawa, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang boleh ditetapkan, peruntukan Akta ini—

(a) tidak akan berkuatkuasa berhubung dengan mana-mana orang tertentu atau mana-mana orang yang menjadi anggota suatu kelas orang yang ditertentu—

(i) yang adalah atau mungkin menjadi seorang peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan hanya kerana dia melakukan apa-apa yang hanya sampingan kepada perniagaan lain;

(ii) yang tidak berurusan dalam saham untuk dan bagi pihak mana-mana orang lain; atau

(iii) yang adalah seorang peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan hanya kerana dia memasuki apa-apa transaksi atau kelas transaksi yang ditentukan;

(b) tidak boleh berkuatkuasa berhubung dengan wakil mana-mana orang yang dirujuk kepada dalam perenggan (a); atau

(c) hendaklah berkuatkuasa berhubung dengan mana-mana orang yang dirujuk kepada dalam perenggan (a) atau (b) hanya setakat mana yang telah ditetapkan.".

Jadual  
baru.

**85.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 134 Jadual yang berikut:

"JADUAL

(Perenggan (d) subseksyen (1) seksyen 17)

Kriteria minimum

*Peniaga, pengurus kumpulan wang, penasihat pelaburan, pengarah, dll. merupakan orang yang layak dan sesuai*

1. (1) Setiap peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan yang memohon untuk mendapatkan lesen ialah orang yang layak dan sesuai untuk memegang lesen yang dipohon.

(2) Setiap orang yang adalah, atau akan menjadi, seorang pengarah, ketua eksekutif, pengurus atau wakil peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan, mengikut mana-mana yang berkenaan, ialah orang yang layak dan sesuai untuk memegang kedudukan yang ia pegang atau akan memegang.

(3) Dalam menentukan sama ada seseorang adalah layak dan sesuai untuk memegang apa-apa kedudukan tertentu, perhatian hendaklah diberikan kepada kejujurannya, kekompetenannya dan kebijaksanaanya membuat keputusan untuk memenuhi tanggungjawab jawatan itu, kepada ketekunannya yang dengannya dia memenuhi atau mungkin memenuhi tanggungjawab itu dan kepada sama ada kepentingan pelanggan, jika ada, peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah atau mungkin akan, dengan apa-apa cara tergugat oleh kerana dia memegang jawatan itu.

(4) Tanpa menjejaskan keluasan subperenggan (3), perhatian diberikan kepada kelakuan terdahulu dan aktiviti dalam perkara perniagaan atau kewangan orang yang berkenaan dan khususnya, terhadap apa-apa bukti yang dia telah—

- (a) melakukan suatu kesalahan yang melibatkan fraud atau ketidakjujuran lain, atau keganasan;
- (b) melanggar apa-apa peruntukan yang dibuat oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang pada pandangan Suruhanjaya bertujuan untuk melindungi orang awam daripada kerugian kewangan disebabkan oleh ketidakjujuran, ketakkompetenan atau amalan salah oleh orang berkenaan dalam mengadakan perkhidmatan kewangan atau pengurusan syarikat atau daripada kehilangan wang disebabkan oleh kelakuan bankrap yang dilepaskan atau tidak dilepaskan;

- (c) melibatkan dari dalam apa-apa amalan perniagaan yang pada pandangan Suruhanjaya merupakan bertipu daya atau menindas atau selainnya tidak wajar (sama ada menyalahi undang-undang atau tidak) atau selainnya membayangkan kesangsian ke atas cara dia menjalankan perniagaan; atau
- (d) melibatkan diri dalam atau pernah dikaitkan dengan apa-apa amalan perniagaan lain atau selainnya berkelakuan dengan cara yang menimbulkan keraguan ke atas kekompetennya dan kebijaksanaannya membuat keputusan.

*Komposisi lembaga pengarah*

2. Pengarah termasuk sejumlah bilangan (jika ada) pengarah tanpa tanggungjawab eksekutif bagi menguruskan perniagaannya sebagaimana Suruhanjaya fikirkan wajar mengambil kira keadaan peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan sifat dan skala operasinya.

*Perniagaan dijalankan secara efisien, jujur dan adil*

3. (1) Perniagaan peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan, mengikut mana yang berkenaan, akan dijalankan secara efisien, jujur dan adil, dan adalah atau akan dilaksanakan dengan integriti dan kemahiran profesional sejajar dengan sifat dan skala aktiviti.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subperenggan (1), dalam menimbang sama ada mana-mana orang menjalankan atau akan menjalankan perniagaan secara efisien, jujur dan adil, perhatian diberikan kepada struktur pengurusan dan organisasi, prinsip dan prosedur pelaporan, prosedur audit dalaman, prosedur bagi mematuhi dengan undang-undang sekuriti dan polisi pengurusan risiko yang mana peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan, mengikut mana yang berkenaan, telah menggunakan atau bercadang untuk menggunakan bagi perniagaannya.

*Struktur pegangan syer*

4. Struktur pegangan syer peniaga, pengurus kumpulan wang atau penasihat pelaburan, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah menurut polisi ekonomi Malaysia."

**86.** (1) Bagi maksud seksyen ini dan seksyen 87 dan 88—

Peruntukan  
kecualian  
dan peralihan  
am.

"tarikh berkuatkuasa" ertinya tarikh atau tarikh-tarikh relevan, mengikut mana yang berkenaan, yang ditentukan oleh Menteri di bawah seksyen 1 Akta;

"Pegawai Pelesen" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada ungkapan itu dalam Akta ibu.

(2) Segala tindakan, peraturan-peraturan, perintah, arahan, pemberitahuan, kelulusan, keputusan dan tindakan eksekutif lain, walau bagaimana ianya dipanggil, dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah, atau menurut, atau oleh sebab, Akta ibu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, hendaklah setakat mana yang ianya tidak takkonsisten dengan peruntukan yang digantikan disifatkan sebagai telah dibuat, diberikan, atau dilakukan di bawah, atau menurut, atau oleh sebab, peruntukan sepadan dalam Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini, dan hendaklah terus kekal berkuatkuasa dan mempunyai kesan berkaitan dengan orang yang padanya ia terpakai sehingga dipinda, dibatal atau ditarikbalik di bawah, menurut atau oleh sebab, peruntukan sepadan dalam Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini.

(3) Tiada apa-apa dalam Akta ini menjejaskan apa-apa liabiliti orang yang akan didakwa atau dihukum bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ibu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini atau apa-apa prosiding yang dibawa atau hukuman yang dikenakan sebelum hari itu berkenaan dengan kesalahan sedemikian.

(4) Tiada apa-apa dalam Akta ini menjejaskan apa-apa hak, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang diperolehi, terakru atau ditanggung di bawah Akta ibu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini dan apa-apa prosiding undang-undang atau remedi berkenaan dengan hak, keistimewaan, obligasi atau liabiliti itu tidak dijejaskan dan apa-apa prosiding undang-undang atau remedi boleh dimulakan, diteruskan atau dikuatkuasakan seolah-olah Akta ini belum diperbuat.

(5) Kuasa hak, keistimewaan, tugas, liabiliti dan obligasi yang sebaik sahaja sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini dimiliki oleh Pegawai Pelesen hendaklah, dari mula berkuatkuasanya Akta ini, menjadi kuasa, hak, keistimewaan, tugas liabiliti dan obligasi Suruhanjaya.

**87.** (1) Tanpa menghadkan makna seksyen 86, peruntukan yang berikut hendaklah terpakai.

Peruntukan  
kecualian  
dan peralihan  
spesifik.

(2) Jika—

- (a) suatu notis di bawah subseksyen 9(1) Akta ibu telah dengan wajarnya diberikan oleh jawatankuasa suatu bursa saham kepada Suruhanjaya sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini; dan
- (b) suatu tempoh dua puluh satu hari belum luput selepas penerimaan notis oleh Suruhanjaya sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini; dan
- (c) Suruhanjaya telah tidak sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini tidak membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada pindaan notis itu berhubungan dengannya,

pindaan tidaklah boleh berkuatkuasa kecuali—

- (aa) jawatankuasa bursa saham tersebut sebaik sahaja selepas mula berkuatkuasanya Akta ini mengemukakan atau menyebabkan dikemukakan kepada Suruhanjaya perkara yang ditentukan dalam subseksyen 9(1) Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Akta ini; dan
- (bb) Suruhanjaya meluluskan secara bertulis pindaan itu di bawah subseksyen 9(3) Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Akta ini.

(3) Jika—

- (a) suatu notis di bawah subseksyen 9(4) Akta ibu telah dengan wajarnya diberikan kepada suatu bursa saham oleh Suruhanjaya sebelum mula berkuatkuasa Akta ini; dan
- (b) tarikh yang ditentukan dalam notis sebagai tarikh yang mana pindaan itu hendaklah berkuatkuasa adalah suatu tarikh selepas mula berkuatkuasanya Akta ini,

notis itu hendaklah mempunyai kuatkuasa seolah-olah ianya suatu permintaan yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 9(5) Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini dan pindaan yang dibuat oleh Akta ini telah berkuatkuasa apabila notis itu diberikan.

(4) Kehendak yang dibuat terhadap suatu bursa saham oleh Pegawai Pelesen di bawah subseksyen 10(1) Akta ibu yang belum dipatuhi sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah dikira sebagai telah dengan wajarnya dibuat oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 10(1) Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Akta ini.

(5) Jika sebaik sahaja sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, seseorang memegang suatu lesen peniaga atau suatu lesen wakil peniaga di bawah Bahagian IV Akta ibu berkenaan dengan mana orang itu bertindak sebagai pengurus kumpulan wang atau wakil pengurus kumpulan wang, mengikut mana-mana yang berkenaan, lesen peniaga atau lesen wakil peniaga hendaklah berkuatkuasa seolah-olah ianya suatu lesen pengurus kumpulan wang atau suatu lesen wakil pengurus kumpulan wang yang diberikan di bawah peruntukan sepadan Bahagian IV Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Akta ini sehingga luput lesen itu.

(6) Jika sebaik sahaja sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, seseorang memegang suatu lesen peniaga atau suatu lesen wakil peniaga di bawah Bahagian IV Akta ibu berkenaan dengan mana orang itu bertindak hanya sebagai seorang pengurus kumpulan wang atau seorang wakil pengurus kumpulan wang, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan berkenaan dengan mana suatu permohonan untuk pembaharuan telah dibuat di bawah Akta ibu dan masih belum diselesaikan pada mula berkuatkuasanya Akta ini, permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu permohonan untuk pembaharuan lesen pengurus kumpulan wang atau lesen wakil pengurus kumpulan wang, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah peruntukan sepadan dalam Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Akta ini.

(7) Suatu deposit yang diserahkan dengan Akauntan Negara di bawah subseksyen 23(1) Akta ibu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah, selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, disifatkan sebagai suatu deposit yang diserahkan di bawah subseksyen 23(1) Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Akta ini dan apa-apa wang yang dipegang oleh Akauntan Negara mengikut subseksyen 23(1) Akta ibu hendaklah dipindahkan kepada Suruhanjaya dan boleh digunakan menurut subseksyen 23(3) Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Akta ini.

(8) Daftar yang disimpan oleh Pegawai Pelesen di bawah subseksyen 26(1) Akta ibu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada daftar yang akan disimpan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 26(1) Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Akta ini.

(9) Rayuan yang dibuat kepada Menteri di bawah subseksyen 28(1) Akta ibu terhadap keputusan Pegawai Pelesen sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini dan belum diselesaikan pada mula berkuatkuasanya Akta ini, hendaklah disifatkan sebagai telah dengan wajarnya dibuat di bawah subseksyen 28(1) Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Akta ini seolah-olah ia adalah suatu rayuan terhadap suatu keputusan sepadan Suruhanjaya di bawah Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini dan pindaan yang dibuat oleh Akta ini telah berkuatkuasa apabila rayuan itu dibuat.

(10) Suatu bursa saham yang sebaik sahaja sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini menyimpan suatu tabung kesetiaan di bawah subseksyen 61(1) Akta ibu hendaklah, selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, menyifatkan dan mengekalkan tabung kesetiaan itu sebagai sebahagian daripada tabung pampasan yang diwujudkan di bawah subseksyen 61(1) Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini menurut dan bagi maksud Bahagian VIII Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Akta ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Bahagian itu dan semua wang yang ada dalam atau akan dibayar kepada tabung

kesetiaan itu pada tarikh berkuatkuasa dipindahkan kepada atau boleh dibayar kepada tabung pampasan dan wang itu hendaklah dari tarikh berkuatkuasa itu menjadi sebahagian daripada tabung pampasan itu.

(11) Semua pelaburan dan harta tabung kesetiaan yang diselenggarakan di bawah seksyen 61 Akta ibu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah pada tarikh berkuatkuasa terletak dalam bursa saham relevan yang menyelenggarakan tabung pampasan itu di bawah seksyen 61 Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Akta ini dan hendaklah dari tarikh berkuatkuasa itu menjadi sebahagian daripada tabung pampasan itu.

(12) Hak yang dimiliki oleh syarikat bursa yang mewujudkan dan menyelenggarakan tabung kesetiaan di bawah seksyen 61 Akta ibu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, sama ada di bawah peruntukan Akta ibu atau selainnya, berkaitan dengan pentadbiran tabung kesetiaan itu hendaklah, selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, terletak dalam bursa saham relevan yang mewujudkan dan menyelenggarakan tabung pampasan di bawah seksyen 61 Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Akta ini.

(13) Suatu jawatankuasa kecil pengurusan yang dilantik oleh jawatankuasa suatu bursa saham di bawah subseksyen 66(1) Akta ibu hendaklah, jika perlantikan sedang berkuatkuasa pada mula berkuatkuasanya Akta ini, terus kekal wujud dan hendaklah menjalankan segala fungsi yang diberikan ke atas jawatankuasa kecil pengurusan di bawah Akta ibu sehingga wujudnya suatu jawatankuasa atau jawatankuasa kecil, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah peruntukan sepadan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Akta ini.

(14) Suatu tuntutan terhadap tabung kesetiaan bursa saham yang telah dibuat dengan wajarnya di bawah Bahagian VIII Akta ibu dan yang belum diselesaikan pada mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat dengan wajarnya terhadap tabung pampasan di bawah Bahagian VIII Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Akta ini.

(15) Suatu tawaran yang dibuat kepada seseorang oleh Pegawai Pelesen di bawah subseksyen 124(1) Akta ibu yang belum diterima sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah disifatkan sebagai telah dengan wajarnya dibuat oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 124(1) Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Akta ini.

**88.** Jika apa-apa kesusahan timbul berkenaan dengan peruntukan yang diperkenalkan atau dipinda oleh Akta ini atau peruntukan kecualian dan peralihan dalam seksyen 87 dan 88, Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membuat ubahsuaian dalam peruntukan itu yang mana pada pandangannya perlu untuk mencegah anomali:

Mencegah anomali.

Dengan syarat bahawa Menteri tidaklah boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen ini selepas luputnya dua tahun dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini.

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 ("Akta") dan untuk memperuntukkan bagi perkara yang sampingan atau berkaitan dengannya.

2. *Fasal 1* memperkatakan dengan perkara permulaan, termasuk kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh bagi mula berkuatkuasanya Akta ini.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen2 Akta untuk menggantikan takrif tertentu dan untuk memasukkan takrif baru yang tertentu bagi ungkapan yang digunakan dalam Akta, yang lebih penting adalah seperti berikut:

- (a) takrif "aset" bagi maksud Akta, hendaklah disifatkan sebagai, segala aset peniaga, termasuklah aset yang tak berkaitan dengan urusan berniaga sekuriti yang menjadi asetnya;
- (b) takrif "depositori pusat" untuk memudahkan rujukan kepada depositori pusat yang ditubuhkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991;
- (c) takrif "pusat penjelasan" yang merujuk kepada seorang yang menyediakan perkhidmatan bagi penjelasan dan penyelesaian transaksi sekuriti;

- (d) takrif "wakil peniaga" untuk menjelaskan pengertian istilah itu;
- (e) takrif "berniaga sekuriti" untuk menjelaskan pengertian istilah itu dan berbangkit daripada pindaan kepada Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;
- (f) takrif "peniaga terkecuali" berbangkit daripada peruntukan mengenai lesen pengurus kumpulan wang yang dimasukkan di bawah seksyen 15A Akta;
- (g) takrif "pengurus kumpulan wang terkecuali" yang merujuk kepada orang yang dikecualikan oleh Menteri di bawah perenggan 14A (2)(d);
- (h) takrif "pengurus kumpulan wang" dan "wakil pengurus kumpulan wang". Ini adalah berbangkit daripada peruntukan mengenai dua kategori baru orang berlesen yang dimasukkan di bawah Akta;
- (i) takrif "penasihat pelaburan" berbangkit daripada pembuatan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984;
- (j) takrif "lesen" untuk mencerminkan peruntukan yang dimasukkan mengenai dua kategori baru orang berlesen, iaitu sekarang pengurus kumpulan wang dan seseorang wakil pengurus kumpulan wang;
- (k) takrif "institusi berlesen" untuk memberi ungkapan itu pengertian yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989;
- (l) takrif "Pegawai Pelesen" adalah dipotong. Pemotongan ungkapan itu di sini dan di mana-mana jua dalam Akta adalah berbangkit daripada pemindahan kuasa pelesenan kepada Suruhanjaya;
- (m) takrif "ditetapkan" untuk menjelaskan pengertian ungkapan itu apabila digunakan dalam Akta;
- (n) takrif "kaedah-kaedah" untuk menjelaskan pengertian ungkapan itu dan termasuklah kaedah-kaedah yang mengawak penyenaian sekuriti di bursa saham dan kaedah-kaedah yang dibuat oleh pusat penjelasan;
- (o) takrif "undang-undang sekuriti" yang bererti Akta, Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda perenggan 3(1 )(d) untuk memasukkan tuan punya tunggal dan perkongsian sebagai sekutu bagi maksud Akta.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda subseksyen 4(5) untuk menjelaskan bahawa kepentingan yang disebut dalam subseksyen itu merujuk kepada sesuatu kepentingan dalam sekuriti.

6. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 7 Akta untuk memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana pasaran saham daripada kehendak mematuhi subseksyen 7(1). Dalam memberikan pengecualian sedemikian, Menteri boleh mengenakan apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkannya munasabah dan sesuai. Ini adalah untuk memastikan bahawa Akta tidak terpakai bagi sesuatu pasaran jika tidak praktikal atau perlu bagi perlindungan pelabur untuk mendapatkan kebenaran terlebih dahulu.

7. *Fasal 8* bertujuan memasukkan seksyen baru 8A dan 8B. Seksyen 8A meletakkan pusat penjelasan di bawah pengawasan pengawalseliaan Suruhanjaya dengan memberi Suruhanjaya kuasa untuk membuat suatu perisytiharan untuk mengiktiraf sesuatu pusat penjelasan. Seksyen 8B membenarkan Suruhanjaya menarik balik pengiktirafan sesuatu pusat penjelasan tertakluk kepada prosedur yang dinyatakan dalam seksyen.

8. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta untuk menghendaki syarikat bursa untuk mengemukakan kepada Suruhanjaya apa-apa cadangan untuk meminda kaedah-kaedahnya. Sebagai tambahan, Suruhanjaya diberikan kuasa untuk mengecualikan mana-mana kelas kaedah-kaedah daripada kehendak ini untuk membolehkan syarikat bursa itu memasukkan kelas kaedah tertentu tanpa perlu mengemukakan suatu permohonan kepada Suruhanjaya.

9. *Fasal 10* bertujuan memasukkan seksyen baru 9A, 9B dan 9C baru. Seksyen 9A menghendaki suatu pusat penjelasan yang diiktiraf untuk mengemukakan kepada Suruhanjaya apa-apa cadangan untuk meminda kaedah-kaedahnya. Sebagai tambahan, Suruhanjaya diberi kuasa untuk mengecualikan apa-apa kelas daripada kehendak ini untuk membolehkan pusat penjelasan yang diiktirafkan itu memasukkan kelas kaedah tertentu tanpa perlu mengemukakan suatu permohonan kepada Suruhanjaya.

Seksyen 9B dimasukkan untuk menyatakan kewajipan statutori bursa saham untuk memastikan suatu pasaran yang teratur dan saksama dalam sekuriti yang diperdagangkan melalui kemudahannya. Seksyen ini juga memperjelas kewajipan bursa saham untuk bertindak demi kepentingan rakyat dan untuk memastikan bahawa anggota, syarikat anggota dan perbadanan yang disenaraikan mematuhi kaedah-kaedahnya.

Seksyen 9C dimasukkan untuk membolehkan Menteri menutup sesuatu pasaran saham syarikat bursa jika perdagangan teratur di bursa saham itu terhalang adalah atau mungkin akan terhalang oleh keadaan darurat atau malapetaka semulajadi atau oleh krisis ekonomi atau kewangan sama ada di Malaysia atau di mana-mana jua.

10. *Fasal 11* bertujuan menggantikan seksyen 10 dan 11 Akta. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 10 dan pindaan yang seumpamanya lain dalam keseluruhan Akta bertujuan merasionalkan struktur pengawalselian industri sekuriti dan untuk menggariskan dengan jelas fungsi, kuasa dan obligasi Suruhanjaya berhubungannya. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 1 bertujuan untuk memberi bursa saham dan pusat penjelasan yang diiktirafkan kuasa untuk menguatkuasakan kaedah-kaedah bursa saham atau pusat penjelasan yang diiktiraf itu.

11. *Fasal 12* bertujuan memasukkan seksyen baru 11A dan 11B. Seksyen 11A memberi Suruhanjaya kuasa untuk melarang perdagangan dalam sekuriti atau kelas sekuriti yang tertentu dalam hal keadaan tertentu.

Seksyen 11B memberi Menteri kuasa untuk mengeluarkan perintah pernggantungan terhadap sesuatu bursa saham, pusat penjelasan yang diiktiraf atau depository pusat dalam hal keadaan tertentu,

12. *Fasal 13* bertujuan meminda seksyen 13 Akta untuk melarang seseorang daripada bertindak sebagai seorang wakil peniaga melainkan jika dia memegang suatu lesen wakil peniaga dan melainkan jika dia diambil kerja oleh seseorang peniaga yang memegang lesen peniaga.

13. *Fasal 14* bertujuan menggantikan seksyen 15 dan 15A. Seksyen 15 bertujuan melarang seseorang daripada bertindak sebagai seorang wakil pelaburan melainkan jika dia memegang lesen wakil pelaburan dan melainkan jika dia diambil kerja oleh seseorang penasihat pelaburan yang memegang lesen penasihat pelaburan.

Seksyen 15A bertujuan memasukkan suatu kelas lesen yang baru bagi pengurus kumpulan wang. Sebelum ini, pengurus kumpulan wang dilesenkan sebagai peniaga di bawah Akta. Dengan peranan penting yang dimainkan oleh pengurus kumpulan wang dalam pasaran modal, maka suatu rangka pengawalselian yang lebih sesuai bagi pengurus kumpulan wang adalah wajar.

14. *Fasal 15* bertujuan memasukkan seksyen baru 15B. Seksyen 15B bertujuan melarang seseorang daripada bertindak sebagai seorang wakil pengurus kumpulan wang melainkan jika dia memegang suatu lesen wakil pengurus kumpulan wang dan melainkan jika dia diambil kerja oleh pengurus kumpulan wang yang memegang lesen pengurus kumpulan wang.

Seksyen 15B menjadikan pelanggaran seksyen 12, 13, 14, 15, 15A atau 15B suatu kesalahan.

15. *Fasal 16* bertujuan meminda seksyen 16 Akta untuk menghendaki segala permohonan untuk mendapatkan lesen dikemukakan kepada Suruhanjaya. Pindaan dalam seksyen ini dan juga pindaan lain yang seumpamanya dalam keseluruhan Akta ini adalah berbangkit daripada pemindahan kuasa pelesenan kepada Suruhanjaya. Ini adalah untuk merasionalkan struktur pengawalseliaan industri sekuriti.

16. *Fasal 17* bertujuan meminda seksyen 17 Akta untuk menyatakan alasan yang berdasarkannya sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen boleh ditolak oleh Suruhanjaya. Subseksyen 17(2) memperuntukkan bahawa Suruhanjaya tindakan boleh menolak apa-apa permohonan untuk mendapatkan lesen tanpa memberi orang itu suatu peluang untuk didengar.

17. *Fasal 18* bertujuan meminda seksyen baru 17A untuk menghendaki seseorang orang berlesen memberikan notis kepada Suruhanjaya sebaik sahaja selepas berlakunya apa-apa kejadian yang menjadi suatu alasan yang berdasarkannya Suruhanjaya boleh membatalkan sesuatu lesen di bawah seksyen 27 Akta.

18. *Fasal 19* bertujuan menggantikan seksyen 18 dan 19 Akta. Seksyen 18 memberi Suruhanjaya kuasa untuk meluluskan suatu lesen peniaga dengan persetujuan Menteri dan untuk ia sendiri meluluskan suatu lesen pengurus kumpulan wang, lesen penasihat pelaburan, lesen wakil peniaga, lesen wakil pengurus kumpulan wang dan lesen wakil pelaburan. Suruhanjaya juga boleh mengenakan syarat atau sekatan pada sesuatu lesen apabila memberikan atau membaharui lesen. Pindaan kepada seksyen 19 adalah suatu pindaan yang berbangkit.

19. *Fasal 21* bertujuan memasukkan seksyen baru 20A untuk memberi Suruhanjaya kuasa untuk menetapkan kehendak kewangan minimum.

20. *Fasal 22* bertujuan meminda seksyen 21 Akta untuk membolehkan Suruhanjaya mengenakan syarat dan sekatan pada sesuatu lesen yang diberikan atau dibaharui olehnya semasa lesen itu berkuatkuasa.

21. *Fasal 23* bertujuan meminda seksyen 23 Akta untuk memberi Suruhanjaya kuasa untuk menetapkan cara dan hal keadaan yang mengikutnya deposit yang dikehendaki berkenaan dengan lesen peniaga boleh digunakan.

22. *Fasal 26* bertujuan untuk menggantikan seksyen 27 dan 28 Akta. Seksyen 27 adalah dipinda untuk menetapkan hal keadaan yang dalamnya sesuatu lesen hendaklah disifatkan sebagai dibatalkan dan hal keadaan jika Suruhanjaya memutuskan untuk membatalkan sesuatu lesen atau menggantungkan sesuatu lesen sebagai ganti pembatalan.

23. *Fasal 27* bertujuan memasukkan seksyen baru 28A untuk membenarkan seseorang orang berlesen menyerahkan lesennya dan menghendaki orang berlesen itu memenuhi segala obligasi dan juga liabiliti yang belum dijelaskan pada masa apabila notis penyerahan diberikan oleh orang itu.

24. *Fasal 29* bertujuan meminda seksyen 30 Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai prosedur bagi pemberitahuan jika seseorang dikehendaki untuk menyimpan suatu daftar di bawah Akta. Subseksyen 30(3) bertujuan mengurangkan beban seseorang yang baginya Bahagian ini terpakai iaitu ia mencadangkan supaya kewajipan untuk menyimpan sesuatu rekod hanya timbul dari masa orang itu sedar tentang pemerolehan itu.

25. *Fasal 31* bertujuan meminda seksyen 32 Akta untuk menjelaskan bahawa pembelaan yang diperuntukkan di bawah seksyen itu hanya terpakai terhadap kegagalan untuk mematuhi sama ada seksyen 30 atau 31 Akta.

26. *Fasal 33* bertujuan meminda seksyen 38 Akta untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan pemberian nota kontrak oleh peniaga dan pengurus kumpulan wang yang menjalankan urusan menguruskan portfolio sekuriti. Ini adalah untuk memudahkan kelenturan dan juga untuk membolehkan Menteri menetapkan peraturan-peraturan yang wajar mengenai perjalanan urusan oleh peniaga dan pengurus kumpulan wang selari dengan perkembangan pasaran.

27. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda seksyen 39 Akta untuk memperluas tugas untuk menzahirkan kepentingan tertentu dalam sekuriti kepada pengurus kumpulan wang dan wakil pengurus kumpulan wang.

28. *Fasal 35* bertujuan meminda seksyen 40 Akta untuk membolehkan seseorang klien membatalkan sesuatu kontrak dalam masa empat belas hari selepas menyedari tentang pelanggaran subseksyen 40(1) atau (3) oleh peniaga.

29. *Fasal 36* bertujuan memasukkan seksyen baru 40A, 40B dan 40C. Seksyen 40A bertujuan mengadakan peruntukan mengenai perlindungan bagi pelabur dengan menghendaki supaya syor diberikan oleh peniaga, pengurus kumpulan wang, penasihat pelaburan dan wakil mereka mempunyai asas yang munasabah.

Seksyen 40B menghendaki peniaga, pengurus kumpulan wang dan penasihat pelaburan untuk memberi Suruhanjaya apa-apa penyata atau maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

Seksyen 40C membenarkan Suruhanjaya untuk menetapkan atau mengenakan ke atas orang yang dilesenkan kehendak lanjutan berkenaan dengan perjalanan hal-ehwal perniagaan orang yang dilesenkan.

30. *Fasal 37* bertujuan meminda perenggan 41(4)(c) Akta untuk memudahkan jualan jangkaturun yang dikawal selia di bursa saham dalam syarikat bursa.

31. *Fasal 38* bertujuan meminda Bahagian VII Akta untuk mewujudkan Penggal baru 1 (seksyen 42 hingga 47) baru untuk memperkatakan secara khusus kehendak perakaunan peniaga.

32. *Fasal 40* bertujuan meminda seksyen 43 Akta untuk menetapkan jenis rekod perakaunan dan rekod lain yang seseorang peniaga adalah dikehendaki untuk menyimpan.

33. *Fasal 41* bertujuan meminda seksyen 44 Akta untuk menghendaki wang yang diterima oleh peniaga untuk dibayar ke dalam suatu akaun amanah tidak lewat daripada hari perniagaan bank berikutnya.

34. *Fasal 42* bertujuan memasukkan seksyen baru 44A untuk mengawalselia cara yang mengikutnya seseorang peniaga hendaklah menguruskan harta, selain daripada wang, yang diterima di bawah Akta.

35. *Fasal 43* bertujuan meminda seksyen 45 Akta untuk menetapkan hal keadaan apabila seseorang peniaga dibenarkan untuk menggunakan wang akaun amanah.

36. *Fasal 44* bertujuan memasukkan seksyen baru 45A untuk mengenakan ke atas seseorang peniaga obligasi untuk membekali, atas permintaan, kliennya atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh klien itu, salinan segala catatan yang berhubungan dengan apa-apa transaksi yang dijalankan bagi pihak klien itu.

37. *Fasal 46* bertujuan meminda Bahagian VII Akta untuk mewujudkan Penggal baru 2 (seksyen 47A hingga 47E) untuk memperkatakan secara khusus kehendak perakaunan pengurus kumpulan wang.

Seksyen 47A menjelaskan pemakaian Penggal ini bagi pengurus kumpulan wang.

Seksyen 47B mengenakan obligasi ke atas seseorang pengurus kumpulan wang berkenaan dengan akaun urusannya.

Seksyen 47C menjelaskan obligasi seseorang pengurus kumpulan wang di bawah penggal ini berhubungan dengan pengendalian akaun amanah.

Seksyen 47D melarang seseorang kumpulan wang daripada menggunakan wang klien untuk berniaga sekuriti kecuali dalam keadaan yang dinyatakan dalam seksyen itu.

Seksyen 47E mengenakan ke atas seseorang pengurus kumpulan wang obligasi untuk membekali, atas permintaan, kepada kliennya atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh klien itu, salinan segala catatan yang berhubungan dengan apa-apa transaksi yang dijalankan bagi pihak klien itu.

38. *Fasal 47* bertujuan meminda Bahagian VII Akta untuk mewujudkan Penggal baru 3 (seksyen 48 hingga 59) untuk memperkatakan pengauditan sesuatu syarikat bursa, pusat penjelasan yang diiktirafkan, peniaga dan pengurus kumpulan wang.
39. *Fasal 48* bertujuan meminda seksyen 48 Akta untuk menghendaki orang yang berkenaan di bawah Penggal 3 Bahagian VII Akta untuk melantik seorang juruaudit dan menyatakan keadaan yang dalamnya seseorang juruaudit boleh dipecat dan obligasi seseorang juruaudit apabila mereka bercadang untuk meletakkan jawatan. Subseksyen 48(6) memberi Suruhanjaya kuasa untuk memecat seseorang juruaudit jika Suruhanjaya tidak berpuashati dengan cara juruaudit itu melaksanakan kewajipannya.
40. *Fasal 49* bertujuan memasukkan seksyen baru 48A untuk melarang perlantikan sekutu seseorang orang yang relevan sebagai juruaudit.
41. *Fasal 50* bertujuan meminda seksyen 49 dan 50 Akta. Pindaan kepada seksyen 50 bertujuan memperluaskan obligasi seseorang juruaudit dalam melaksanakan kewajipannya di bawah Akta.
42. *Fasal 51* bertujuan meminda seksyen 51 Akta untuk mengenakan obligasi ke atas seseorang orang yang relevan, pengarah atau pegawainya, untuk memberikan seseorang juruaudit yang dilantik di bawah Penggal 3 Bahagian VII Akta dengan maklumat daripada jenis yang dinyatakan dalamnya dan untuk memastikan maklumat sedemikian tidak palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir yang material.
43. *Fasal 58 hingga 69* bertujuan meminda Bahagian VII Akta untuk menggantikan tabung kesetiaan yang sedia ada dengan suatu tabung pampasan memandangkan terdapat kecacatan dalam struktur dan pengendalian tabung kesetiaan itu. Selanjutnya, "tabung kesetiaan" tidak menggambarkan secukupnya peranan dan fungsi tabung itu sebagai suatu cara memampasi pelabur disebabkan oleh keingkaran syarikat anggota. Sebagai tambahan, pada masa ini terdapat suatu prosedur yang rumit bagi membuat tuntutan dan ini menimbulkan banyak kelewatan, kos tambahan dan formaliti yang tak wajar berkenaan dengan tuntutan yang dibuat terhadap tabung itu. Peruntukan berhubung dengan "tabung pampasan" yang hendak dimasukkan di sini bertujuan menyusun semula struktur tabung kesetiaan yang sedia ada untuk menjadi suatu tabung pampasan yang lebih bermakna.
44. *Fasal 59* bertujuan menggantikan seksyen 60, 61, 62, 63 dan 64 Akta. Pindaan kepada seksyen 61 dan 62 bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan tabung pampasan dan untuk menetapkan wang menjadi tabung pampasan. Pindaan kepada seksyen 63 bertujuan memperuntukkan bahawa wang yang menjadi sebahagian daripada tabung pampasan hendaklah disimpan dalam suatu akaun amanah berasingan manakala pindaan kepada seksyen 64 bertujuan menetapkan maksud yang baginya dan susunan yang mengikut pembayaran daripada tabung pampasan boleh dibuat.

45. *Fasal 60* bertujuan meminda seksyen 65 Akta untuk menghendaki bursa saham untuk menyimpan akaun sepatutnya berhubung dengan tabung pampasan.

46. *Fasal 61* bertujuan menggantikan seksyen 66, 67, 68 dan 69 Akta. Pindaan kepada seksyen 66 bertujuan membolehkan Suruhanjaya, selepas berunding dengan bursa saham yang relevan, untuk menghendaki bursa saham yang relevan itu membayar sebahagian daripada pendapatan bersihnya ke dalam tabung pampasan manakala pindaan kepada seksyen 67 mengenakan obligasi langsung ke atas syarikat anggota untuk membuat caruman tahunan kepada tabung pampasan, Pindaan kepada seksyen 68 membenarkan sesuatu syarikat anggota yang telah membuat caruman tahunan dalam bilangan yang ditetapkan supaya dibebaskan dan dilepaskan daripada caruman tahunan selanjutnya jika amaun kredit dalam tabung pampasan itu melebihi lima puluh juta ringgit. Walau bagaimanapun, jika amaun kredit adalah kurang daripada sepuluh juta ringgit, syarikat anggota itu boleh diminta untuk membuat caruman semula kepada tabung pampasan. Pindaan kepada seksyen 69 membolehkan Menteri untuk mengenakan suatu levi, yang amaunnya akan ditentukan oleh Menteri, ke atas syarikat anggota apabila tabung pampasan itu tidak dapat menjelaskan liabilitinya.

47. *Fasal 63* bertujuan menggantikan seksyen 71 dan 72 Akta. Seksyen 71 adalah dipinda untuk memberi bursa saham kuasa untuk melaburkan wang kepunyaan tabung pampasan. Seksyen 72 adalah dipinda untuk mengatasi masalah yang dikaitkan dengan penggunaan terma "penggelapan" yang dikehendaki dibuktikan sebelum sesuatu boleh dibuat terhadap tabung pampasan. Maksud pindaan ini adalah untuk memperluas skop tuntutan yang boleh dibuat terhadap tabung pampasan dan untuk memastikan bahawa pelabur boleh dilindungi secara memadai walaupun dalam kes salah penggunaan harta secara fraud dan dalam keadaan ketaksolvenan syarikat anggota,

48. *Fasal 66* bertujuan menggantikan seksyen 79 dan 80 Akta. Pindaan kepada seksyen 79 bertujuan menjelaskan hak syarikat bursa saham sebaik sahaja bayaran telah dibuat daripada tabung pampasan. Had hak pihak menuntut juga diperturunkan. Seksyen 80 adalah dipinda untuk memperuntukkan bahawa hanya wang dan harta tabung pampasan sahaja boleh digunakan untuk menjelaskan sesuatu tuntutan terhadap tabung pampasan itu.

49. *Fasal 68* bertujuan menggantikan seksyen 82 dan 83 Akta. Pindaan kepada seksyen 82 bertujuan menjelaskan kuasa bursa saham yang relevan untuk memasuki kontrak insurans manakala pindaan kepada seksyen 83 bertujuan memperuntukkan bahawa pihak menuntut tidak boleh mempunyai hak terhadap penanggung insurans atau wang yang dibayar oleh seseorang penanggung insurans di bawah sesuatu kontrak insurans.

50. *Fasal 69* bertujuan memasukkan seksyen baru 83A dan 83B. Seksyen 83A memperkatakan hal-ehwal tabung pampasan apabila bursa saham digulung. Seksyen 83B memberi Menteri kuasa membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan tabung pampasan.

51. *Fasal 70* bertujuan meminda seksyen 94A Akta dengan memasukkan perkataan "Suruhanjaya atau" sebelum perkataan "Pendaftar". Pindaan di sini dan di mana-mana jua dalam Akta adalah untuk mencerminkan kedua-dua pihak berkuasa yang mengawalselia yang bertanggungjawab bagi penguatkuasaan Akta.

52. *Fasal 72* bertujuan memasukkan seksyen baru 95A untuk memberi Suruhanjaya dan Pendaftar kuasa untuk menghendaki seseorang mengemukakan maklumat mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang diminta oleh Suruhanjaya atau Pendaftar.

53. *Fasal 77* bertujuan meminda seksyen 120 Akta untuk melarang dan menyekat penggunaan gelaran tertentu yang disebut dalamnya.

54. *Fasal 79* bertujuan memasukkan seksyen baru 121A untuk memperuntukkan bahawa apa-apa keputusan yang dibuat oleh Menteri di bawah Akta ini, sama ada suatu keputusan asal olehnya atau suatu keputusan atas rayuan kepadanya daripada sesuatu keputusan Suruhanjaya, adalah muktamad.

55. *Fasal 81* bertujuan meminda seksyen 122A, 122B dan 122C. Seksyen 122A menjadikan pemalsuan rekod oleh pengarah, pekerja dan ejen suatu kesalahan.

Seksyen 122B memperuntukkan bahawa adalah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang, dengan niat untuk menipu, membuat atau memberikan apa-apa pernyataan palsu atau mengelirukan kepada Suruhanjaya, bursa saham atau pusat penjelasan yang diiktirafkan.

Seksyen 122C memperkatakan percubaan, pensubahatan, subahat dan komplot.

56. *Fasal 82* bertujuan meminda seksyen 123 dan 124 Akta. Pindaan kepada seksyen 123 bertujuan menaikkan penalti am dan memperuntukkan mengenai denda harian. Pindaan kepada seksyen 124 bertujuan memindahkan kuasa untuk mengkompaun daripada Pegawai Pelesen kepada Suruhanjaya.

57. *Fasal 83* bertujuan memasukkan seksyen baru 126B untuk mengenakan ke atas pusat penjelasan yang diiktirafkan suatu obligasi untuk mengadakan kaedah-kaedah keingkaran untuk membolehkan sesuatu pusat penjelasan yang diiktirafkan mengambil tindakan sekiranya seseorang peserta yang tidak boleh, atau mungkin menjadi tidak boleh, memenuhi obligasinya berkenaan dengan kontrak pasaran yang belum diselesaikan dan subseksyen 126B(4) memperuntukkan

bahawa apa-apa tindakan yang diambil oleh pusat penjelasan yang diiktirafkan dalam hal ini tidak boleh dikira sebagai tak sah atas alasan ketakkonsistenan dengan undang-undang yang berhubungan berkenaan dengan pembahagian aset seseorang apabila berlaku ketaksolvenan, kebangkrapan, atau penggulungan, atau apabila dilantik seseorang penerima bagi aset orang itu.

58. *Fasal 86 hingga 88* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai kecualian dan peralihan yang am dan spesifik. Sebagai tambahan, Menteri hendaklah diberikan kuasa untuk membuat apa-apa pengubahsuaian yang pada difikirkannya perlu untuk mencegah anomali.

59. Pindaan lain yang dicadangkan kepada Akta yang tidak disebut secara nyata adalah pindaan yang berbangkit atau kecil sahaja.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U<sup>2</sup>)1826.]